

Selain dari itu, bahasa Inggeris mempunyai *early projection strategies*, di mana penutur memberi isyarat tertentu di peringkat awal percakapannya yang membolehkan pendengar meneka dan mengagak masa yang sesuai untuk mengambil giliran. Ini berbeza dengan bahasa Jepun di mana,

The beginning of TCUs (turn construction units) in Japanese do not tend to have elements that syntactically project the possible organization of what is to follow.

(Fox, Hayashi & Jasperson, 1996:207)

Menurut Fox, Hayashi dan Jasperson (1996) serta Tanaka (2000), peserta perbualan bahasa Jepun akan mengeluarkan ujaran di dalam unsur yang kecil dan merangkanya sedikit demi sedikit. Sebagai satu langkah penyelarasan, pendengar akan menunggu dan melihat perkembangan ujaran sehingga mereka mendengar beberapa suku kata terakhir di dalam sesuatu giliran yang biasanya mempunyai tanda penamat seperti kata kerja atau partikel terakhir, sebelum pendengar mengambil giliran dan membuat ujaran sendiri.

Kajian Tanaka (2000) adalah berdasarkan perbualan melalui telefon dan beliau mendapati TRP dan pengambilan giliran berlaku pada *post-predicate*. Kajian ini juga menyentuh mengenai strategi-strategi yang digunakan oleh penutur, iaitu strategi mengekalkan giliran dan strategi menutup perbualan. Strategi ini penting sebagai tanda kepada penutur kedua untuk mengagak masa yang sesuai untuk mengambil giliran bercakap.

yang sesuai untuk mengambil giliran bercakap.

Penulis juga ingin membuat kajian yang lebih terperinci ke atas *aizuchi* kerana penulis ingin mencari fungsi khusus *aizuchi* selain daripada *back channel* atau *continuer* perbualan semata-mata.

Ini kerana menurut Kubota (2001),

...聞き手の「あいづち」も、あるルールにのっとって打たれているということが推測できます。つまりでたらめに「あいづち」を打っているのではなく、いつ、どのような目的で、どのような「あいづち」を入れるのが良いのか、私たちは瞬時に判断して使っていると言えましょう。

...*Aizuchi* pendengar juga, boleh diramalkan bahawa ia [*aizuchi*] diujarkan mengikut peraturan tentu. Sebagai kesimpulannya, ia tidak diujarkan membuta-tuli, bila, apa tujuan, dan *aizuchi* yang bagaimana sesuai diberikan, boleh dikatakan kita mempertimbangkannya dalam masa yang cukup singkat dan setelah itu, menggunakan [*aizuchi*].

(Kubota, 2001: 26)

Walau bagaimanapun, Kubota (2001) tidak memberi penerangan yang lebih lanjut mengenai ‘bila’, ‘apa tujuan’, dan ‘*aizuchi* yang bagaimana’ yang terdapat di dalam perbualan bahasa Jepun dengan lebih terperinci. Jawapan kepada soalan ini juga tidak terdapat di mana-mana kajian yang penulis temui sama ada perbualan bahasa Jepun, mahupun perbualan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu. Ini mendorong penulis membuat kajian ke atas *aizuchi* selain daripada kajian ke atas pengambilan giliran.

Perbincangan mengenai analisis perbualan telah dilakukan dengan terperinci di dalam bab ini dan jelas menunjukkan setakat ini belum ada kajian mengenai pengambilan giliran dan strategi perbualan yang terperinci dilakukan oleh pengkaji tempatan. Kajian mengenai *aizuchi* juga tidak pernah dilakukan dengan mendalam oleh pengkaji tempatan lebih-lebih lagi di dalam perbualan bahasa Jepun. Pengkaji Jepun seperti Kubota (2001) telah membuat kajian ke atas *aizuchi* tetapi tidak menerangkan fungsi, bila dan bagaimana *aizuchi* dilakukan dengan lebih jelas.

2.14 Penutup

Bab ini telah membincangkan tentang teori-teori wacana dan analisis perbualan oleh Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) serta dapatan kajian pengkaji tempatan, Jepun dan Barat. Penulis menggunakan pendekatan yang digunakan oleh Tanaka (2000) di dalam menganalisis dapatan kajian ini namun pendekatan teori Sacks dan rakan-rakannya masih mendasari kajian ini.

Aizuchi juga telah dibincangkan dengan panjang lebar di dalam Bab ini dan oleh kerana teori Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) tidak menyentuh mengenai *aizuchi* bahasa Jepun, maka penulis menggunakan teori dan pendekatan Kubota (2001) yang telah membuat kajian terperinci mengenai *aizuchi* ini.

BAB 2

RANGKA KERJA KONSEPTUAL DAN KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan pendekatan wacana, kajian wacana perbualan dan teori-teori yang berkaitan dengan kajian wacana perbualan dari segi struktur dan organisasi perbualan seperti teori pengambilan giliran, celahan, pertindanan, maklum balas dan pasangan adjasensi. Aspek-aspek pengambilan giliran bahasa Jepun, *aizuchi* dan kajian berkaitan oleh pengkaji Jepun turut dimuatkan di dalam bab ini.

2.2 Definisi Wacana

Definisi wacana boleh dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, ia adalah satu unit bahasa yang lebih besar daripada ayat. Kedua, ia adalah satu penggunaan bahasa (*language use*). Ketiga, ia adalah satu ujaran dan keempat dan terakhir ia adalah satu teks.

Menurut Hashiuchi (1999) bidang kajian wacana bermula dari tahun 1960an dan awal tahun 1970an. Sehingga kini, wacana bukan sahaja diaplikasikan ke dalam bidang linguistik tetapi juga bidang falsafah, psikologi, sosial, antropologi dan pelbagai lagi bidang kajian.

Wacana terbahagi kepada dua bahagian iaitu wacana bertulis dan wacana pertuturan. Wacana bertulis seperti buku, majalah dan akhbar merupakan wacana terancang, manakala wacana pertuturan seperti perbualan di antara rakan sepejabat, perbincangan dan mesyuarat adalah wacana tidak terancang.

Apa yang dimaksudkan dengan wacana terancang ini adalah teks ditulis dengan sempurna dari segi ejaan dan nahu kerana telah disemak dan diperbetulkan sebelum dicetak atau diterbitkan. Manakala wacana tidak terancang seperti perbualan adalah berlaku secara spontan, dengan nahu yang mungkin tidak sesuai atau sebagainya. Oleh kerana itulah, kita dapat melihat ciri-ciri perbualan seperti pengulangan, pembetulan (*repair*), konflik dan sebagainya di dalam wacana tidak terancang.

Wacana tidak terancang berlaku kerana perbualan tanpa mengikut skrip, atau mengikut skrip tetapi tidak terikat kepada skrip seratus peratus (hanya sebagai rujukan). Ini boleh menyebabkan peserta yang terlibat di dalam sesuatu perbualan menjadi emosional dan melakukan beberapa ‘kesalahan’. Keadaan ini

boleh dilihat dengan jelas terutama di dalam mesyuarat, diskusi atau perdebatan, malah mungkin di dalam kajian ini sendiri.

Menurut Stubbs (1983), wacana adalah satu fenomena yang berlaku secara *natural* (spontan) dan merupakan satu unit bahasa yang lebih tinggi dari ayat atau klausa. Manakala menurut Brown & Yule (1983), kajian wacana adalah satu kajian penggunaan bahasa yang digunakan di dalam masyarakat.

The analysis of discourse is, necessarily, the analysis of language use. As such, it cannot be restricted to the description of linguistic forms independent of the purpose or functions which those forms are designed to serve in human affairs.

(Brown & Yule, 1983: 1)

2.2.1 Unit Bahasa yang lebih Luas daripada Ayat

Menurut Stubbs (1983), wacana adalah unit bahasa yang lebih tinggi dari ayat. Unit bahasa yang lain adalah terdiri daripada fonologi, kata, sintaks dan ayat. Wacana lahir hasil daripada kesulitan menginterpretasikan makna di dalam unit bahasa pada peringkat sintaksis dan ayat. Contohnya bagi ujaran ini,

A: Pergi sekolah?
B: Bosan.

Sekali pandang, kita tidak dapat melihat kaitan antara dua ujaran ini. Ahli bahasa tidak dapat menerangkan maksud ujaran yang kedua hanya berdasarkan perkataan tersebut. Siapakah yang pergi ke sekolah? B, adik B

atau orang lain? Apakah hubungan antara A dan B? Apakah yang membosankan B? Adakah B atau seseorang lain pergi ke sekolah kerana bosan tinggal di rumah atau dia tidak pergi ke sekolah kerana berasa bosan berada di sekolah? Dan apakah kaitan jawapan B kepada soalan A? Pertanyaan-pertanyaan ini tidak akan terjawab jika kita hanya melihat dua ujaran tersebut. Oleh itu mereka telah memperkembangkannya kepada wacana. Dengan itu lahirlah nahu wacana yang dapat memberi jawapan kepada soalan-soalan yang tidak terjawab sebelum itu.

Di dalam penulisan, wacana bukan sahaja melihat kaitan makna sebelum dan selepas ayat bagi sesuatu ayat tetapi juga makna ayat-ayat lain yang terletak di perenggan lain di dalam sesuatu teks. Walau bagaimanapun, di dalam wacana perbualan, pengkaji melihat kesemua ujaran yang diterbitkan oleh penutur bagi mencari makna sesuatu perkataan atau ayat.

2.2.2 Penggunaan Bahasa

Brown & Yule (1983) mendefinisikan wacana sebagai penggunaan bahasa. Dengan kata lain wacana adalah penggunaan bahasa sama ada wacana lisan atau wacana bertulis untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat supaya mesej yang disampaikan jelas dan difahami oleh pendengar atau pembaca sasaran.

Bahasa yang dikaji adalah ‘bahasa sebenar’ yang digunakan oleh sesuatu masyarakat bahasa. Misalnya, jika wacana yang dikaji adalah wacana pertuturan seperti perbualan penutur bahasa Melayu, maka kajian mestilah terhadap satu-satu perkataan atau ujaran yang yang dilafazkan oleh penutur itu sendiri, walaupun terdapat kesalahan dari segi nahu atau sebutan. Jika yang dikaji adalah ‘bahasa sebenar’ yang diujarkan oleh penutur Kelantan pula, kajian akan tertumpu kepada loghat atau sebutan sebenar yang diujarkan oleh penutur tersebut.

2.2.3 Ujaran

Wacana terhasil daripada ujaran atau tulisan. Menurut Schiffrin (1994), jika kita menerima kenyataan bahawa wacana adalah unit bahasa yang lebih luas dari ayat, maka ‘penggunaan bahasa’ itu pula terhasil daripada ayat-ayat atau ujaran yang berkonteks. Atau dengan lebih jelas lagi, penggunaan bahasa dan ayat-ayat di dalam wacana itu adalah ayat-ayat yang berkonteks.

Oleh itu, pentafsiran terhadap makna haruslah mengambil kira keseluruhan wacana, keadaan sosial, budaya dan pelbagai aspek luaran yang lain. Inilah yang dikatakan bahawa ujaran atau tulisan adalah merupakan ayat-ayat yang berkonteks iaitu definisi ketiga bagi wacana. Perbualan antara penutur A dan B di mana A dan B saling tidak memahami antara satu sama lain bukanlah merupakan satu ujaran mahupun wacana.

Konteks terdiri daripada konteks linguistik dan konteks bukan linguistik.

Konteks linguistik adalah hubungan perkataan dengan perkataan lain, ayat dengan ayat lain atau perenggan dengan perenggan lain. Konteks bukan linguistik pula adalah merujuk kepada berbagai-bagai elemen selain daripada perkataan. Contohnya senyuman, ketawa, hubungan antara peserta, tujuan komunikasi, suasana, keadaan sosial dan sebagainya. Konteks sama ada linguistik atau bukan linguistik adalah penyokong teks. Oleh itu kehadiran konteks dan teks melengkapkan wacana.

2.2.4 Teks

Teks merupakan rekod komunikasi atau linguistik yang sebenarnya. Di dalam bahasa lisan, perbualan yang dirakam, diberi transkripsi dan simbol merupakan teks. Perbualan yang dirakam tetapi tidak ada transkripsi atau rekod bertulis bukanlah satu teks. Teks juga merupakan ayat-ayat yang relevan dan mempunyai kaitan antara satu sama lain. Kata-kata atau ayat-ayat yang tidak tentu hujung pangkal serta tidak dapat difahami antara penutur dan pendengar bukanlah satu teks. Teks tulisan pula adalah misalnya memo, nota, rencana, novel dan sebagainya.

Menurut Hashiuchi (1999), teks mungkin terdiri daripada satu ayat atau ayat-ayat dan mempunyai fungsi komunikasi yang tertentu. Misalnya, laungan “Surat khabar lama! Surat khabar lama!” adalah satu teks yang

mempunyai fungsi komunikasi yang bertujuan untuk memungut surat khabar lama.

Oleh itu, ia juga tergolong ke dalam satu wacana.

Menurut Schiffrin (1994), teks adalah maklumat yang mempunyai makna atau memberi mesej, manakala konteks pula memberi berbagai maklumat selain daripada makna perkataan.

2.3 Analisis Wacana dan Analisis Perbualan

Perbualan adalah salah satu jenis wacana iaitu wacana pertuturan. Terdapat dua pendekatan yang boleh digunakan bagi mengkaji wacana lisan iaitu analisis wacana dan analisis perbualan. Pendekatan ini berbeza kerana objektif kajian kedua-dua pendekatan ini berbeza.

2.3.1 Analisis Wacana

Menurut Szatrowski (1993), analisis wacana menggunakan konsep primitif (*primitive concepts*) dan prinsip teori (*theoretical principles*). Matlamat utamanya adalah untuk mendapatkan hasil dan *well-formed formula* dan mengaplikasikan keputusan linguistik tersebut melebihi satu unit ayat. Analisis wacana adalah satu cara kajian yang mengaplikasikan pelbagai ayat berdasarkan keputusan nahu generatif ayat-ayat yang terlibat di dalam kajian.

Menurut Szatrowski (1993), analisis wacana adalah satu cara kajian yang berdasarkan pada *speech act* (lakuan pertuturan), dan model perbualan umum yang menggunakan pendekatan ini, mempunyai ciri-ciri seperti unit lakuan atau peringkat-peringkat atau turutan (*moves*) yang didapati di dalam perbualan. Ujaran pula boleh dipecahkan kepada unit-unit ujaran dan setiap satu unit ujaran berhubung kait dengan satu unit lakuan. Terdapat fungsi spesifik atau prosedur yang boleh berhubung kait dengan lakuan pertuturan ke dalam unit ujaran dan sebaliknya.

Menurut Levinson (1983), peraturan urutan perbualan ini ditentukan oleh urutan ujaran di dalam perbualan atau lakuan pertuturan. Ini membolehkan urutan perbualan ini terkawal.

Secara ringkasnya analisis wacana boleh digunakan bukan sahaja untuk mengkaji perbualan atau teks lisan tetapi juga teks bertulis. Semasa mengkaji kedua-dua jenis teks ini, apa yang dilihat di dalam kajian ini adalah lakuan pertuturan. Sebagai contohnya, kita boleh melihat lakuan pertuturan yang terdapat di dalam teks akhbar bagaimana wartawan menggunakan bahasa bagi menarik minat pembaca. Kita juga boleh membuat kajian tentang lakuan-lakuan atau turutan-turutan yang terdapat di dalam buku atau tesis.

Di dalam teks lisan pula, sebagai contoh kita boleh melihat turutan yang terkandung di dalam ujaran penutur dan membahagikan turutan tersebut kepada beberapa bahagian bergantung kepada fungsinya. Turutan pertama yang terdapat di dalam ucapan pengerusi sesuatu majlis misalnya, bagi orang yang berugama Islam adalah dengan mengucapkan syukur kepada Allah dan turutan kedua pula adalah mengucapkan salam kepada tetamu jemputan. Di dalam turutan ‘mengucapkan salam’ ini pula, kita boleh pecahkan kepada turutan yang lebih kecil seperti ucapan salam kepada tetamu kehormat dan tetamu jemputan biasa. Kesemua turutan ini juga kita boleh namakan sebagai turutan pembuka ucapan. Jadual 2.1 menunjukkan bagaimana ucapan pengerusi majlis boleh dibahagikan kepada beberapa turutan tertentu.

Jadual 2.1: Peringkat-peringkat Turutan di dalam Ucapan Pengerusi Majlis.

Turutan Asas	Peringkat-peringkat Turutan di dalam Ucapan	
Pembuka Ucapan	Turutan 1	Ucapan syukur kepada Allah
	Turutan 2	Ucapan salam kepada tetamu kehormat dan tetamu biasa
Isi Ucapan	Pelbagai turutan	
Penutup Ucapan	Turutan 1	Mengucapkan terima kasih
	Turutan 2	Menjemput tetamu khas berucap

2.3.2 Analisis Perbualan

Menurut Schegloff & Sacks (1973), terdapat beberapa cara bagaimana untuk mencari bentuk dan ciri-ciri sesuatu wacana perbualan. Salah satu caranya adalah dengan mencari struktur sesuatu perbualan, seperti penggunaan penanda wacana seperti ‘pertama sekali...’, ‘kedua...’, ‘ketiga...’ dan ‘akhir sekali...’ yang terdapat di dalam wacana perbualan itu bagi menunjukkan bahawa terdapat rentetan idea yang perlu diucapkan oleh penutur terlebih dahulu sebelum penutur seterusnya mengambil giliran bercakap. Pendekatan analisis perbualan mengkaji aspek struktur sesuatu wacana perbualan.

Seseorang pengkaji yang membuat kajian analisis perbualan perlu melihat bagaimana dan mengapa sesuatu fenomena seperti pengambilan giliran, celahan, pertindanan dan maklum balas berlaku di dalam perbualan. Hubungan di antara peserta perbualan dan konteks yang melingkungi mereka turut diberi penekanan. Dengan cara itu, pengkaji boleh menjumpai cara-cara yang sistematik bagaimana sesuatu fenomena itu berlaku di dalam setiap interaksi lisan.

some discourse analysts...are primarily concerned to describe the complex structures and mechanisms of socially situated language-use. They ask questions like 'how does turn-taking work in conversation?', or 'does the form of a question affect the form of the answer?' or 'why do people misunderstand one another?...But some [analysts]... are more interested in the idea that 'life is in many ways a series of conversations', which implies that people's talk can be a source of evidence about other aspects of their lives.

(Cameron, 2001:7-8)

Sebagaimana yang diutarakan oleh Cameron (2001), seseorang pengkaji menganalisis wacana perbualan berdasarkan dua pendekatan yang berlainan. Penulis membuat kajian perbualan ini berdasarkan pendekatan kedua iaitu untuk melihat ‘aspek yang berlainan’ (bukan bahasa semata-mata) di dalam kehidupan sesuatu masyarakat iaitu, subjek kajian ini. Berdasarkan transkripsi data, penulis akan dapat memahami bukan sahaja corak perbualan tetapi juga sikap, nilai, kepercayaan, budaya, penggunaan ‘kuasa’ dan sebagainya.

Di dalam pendekatan analisis perbualan, kajian dilihat bukan melalui turutan tetapi pengambilan giliran, pertindanan, jeda, *aizuchi* dan sebagainya. Oleh itu data di dalam kajian ini diambil daripada perbualan spontan bukan ucapan atau laporan akhbar yang telah disediakan dan disemak terlebih dulu seperti di dalam wacana bertulis. Sila lihat Bahagian 2.3.3 untuk penerangan yang lebih terperinci.

Pendekatan analisis perbualan melihat perbualan yang spontan, iaitu perbualan yang berlaku di dalam kehidupan seharian yang dituturkan masyarakat. Jadual 2.2 menunjukkan bagaimana wacana perbualan boleh dikaji berdasarkan dua aspek berlainan iaitu analisis wacana dan analisis perbualan.

Jadual 2.2 : Analisis Perbualan di dalam Wacana

Wacana Perbualan	Analisis Wacana
	Analisis Perbualan

Analisis perbualan adalah kajian terhadap perbualan yang dirakamkan, dibuat transkripsi dan diberi simbol. Harvey Sacks, Emanuel Schegloff dan Gail Jefferson (1974) merupakan etnometodologis yang mempelopori kajian analisis perbualan. Tema yang dibincangkan oleh kumpulan ini adalah cara memulakan atau menghabiskan perbualan, pengambilan giliran, pertindanan, jeda, pembetulan, pasangan adjasensi dan sebagainya.

Menurut Gumperz dan Herasimchuk (1972), fokus kajian di dalam analisis perbualan adalah kategori dan hubungan sosial yang tergambar di dalam aktiviti perbualan. Analisis perbualan dianggap sebagai simbol komunikatif yang menggambarkan peranan yang dimainkan oleh penutur dan pendengar. Peranan penutur dan pendengar mempengaruhi bentuk interaksi lisan.

Analisis perbualan juga turut meneliti strategi yang digunakan untuk menjamin kelancaran perbualan. Penyelidikan juga dikembangkan untuk melihat pengaruh gender atau faktor sosial lain di dalam perbualan.

Fairclough (1992) berpendapat bahawa perspektif analisis perbualan terhasil daripada tradisi penyelidikan etnometodologi kerana perspektif ini turut menganggap interaksi lisan sebagai penggunaan bahasa yang didasarkan kepada konteks sosial. Fokus penyelidikan tertumpu kepada organisasi dalam perbualan yang berlaku di dalam perbualan harian manusia.

Duranti dan Goodwin (1991) pula menerangkan bahawa perspektif ini terangkum dalam bidang sosiologi dan terbit daripada usaha yang dijalankan oleh Harvey Sacks, Gail Jefferson dan Emanuel Schegloff serta rakan-rakan mereka yang dianggap sebagai pendukung perspektif etnometodologi. Sehingga kini, kajian Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) menjadi tunggak utama pengkaji bahasa. Mereka mengkaji bahasa spontan yang digunakan oleh masyarakat tidak seperti linguis yang pada masa itu (1950an sehingga 1960an) yang mengkaji bahasa dari segi fonologi, kata, sintaksis dan ayat.

Apa yang pakar etnometodologi ini mahu pastikan adalah bagaimana perbualan sehari-hari sesuatu masyarakat bahasa (bukan peraturan linguistik) berlaku kerana masyarakat yang membentuk komuniti dan bukan ahli bahasa. Fokus kajian ini adalah organisasi dan struktur perbualan dan bukannya ‘betul’ atau ‘tidak betul’ bahasa (dari segi nahu) yang digunakan di dalam perbualan tersebut.

Sebagai contohnya, bahasa badan seperti senyum dan ketawa bukan merupakan satu unit bahasa tetapi memainkan peranan penting di dalam perbualan. Sering kali kita tidak perlu mengujarkan sepatah pun perkataan untuk menunjukkan maksud atau niat kita. Kita hanya perlu menjengilkan mata apabila memarahi anak-anak, ketawa apabila kita suka atau apabila ingin menyembunyikan kelemahan kita atau untuk menolak idea seseorang.

2.3.3 Aspek Kajian Analisis Perbualan

Di dalam menganalisis perbualan, penggunaan bahasa boleh dilihat dari dua aspek yang berlainan. Aspek pertama adalah isi perbualan dan aspek kedua pula adalah struktur perbualan.

Jika pengkaji ingin melihat perbualan dari aspek isi, maka apa yang dikajinya adalah penggunaan perkataan atau nahu. Satu contoh yang terbaik adalah kajian yang dibuat oleh Nor Hashimah Jalaluddin (1994) melalui tesisnya yang bertajuk “Bahasa Jual Beli Dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik”. Kajian Nor Hashimah dikupas secara teliti mengenai penggunaan kata di dalam dialek Kelantan berserta makna semantik dan pragmatik.

Seterusnya jika seseorang pengkaji ingin melihat perbualan dari aspek strukturnya pula, maka pendekatan yang boleh diambil adalah dengan melihat bagaimana sesuatu perbualan itu berlangsung seperti pengambilan giliran

bercakap, jeda, *aizuchi* dan sebagainya. Nahan dan isi perbualan itu bukanlah subjek yang penting bagi seseorang pengkaji tersebut jika dia memilih untuk mengkaji sesuatu perbualan secara luaran (bukan isi). Pengkaji tersebut mungkin mengkaji struktur pengambilan giliran, jenis maklum balas, penggunaan *aizuchi*, perbezaan gender dan sebagainya. Aspek struktur perbualan ini dipanggil analisis perbualan. Pendekatan analisis perbualan digunakan di dalam kajian penulis kerana dapat membantu penulis mencari penemuan baru di dalam interaksi perbualan bahasa Jepun seperti *aizuchi*, pengambilan giliran dan strategi perbualan.

2.4 Teori Pengambilan Giliran

Untuk menjadikan perbualan itu lancar, *traffic rules* adalah amat penting. Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) menamakan peraturan trafik ini sebagai *management of the conversational turn* atau ‘pengurusan pengambilan giliran di dalam perbualan’. Peraturan trafik, iaitu *traffic rules* ini boleh mengelakkan daripada berlakunya *conversational accidents* dan *conversational traffic jams*.

Menurut Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974), unit yang paling asas di dalam perbualan adalah pengambilan giliran. Di dalam perbualan, seseorang penutur tidak bercakap sepanjang masa kerana dia mesti memberi peluang kepada pendengar untuk bercakap seterusnya. Justeru itu, bilakah masa yang sesuai untuk pendengar mengambil giliran? Walaupun sebenarnya peraturan pengambilan giliran itu tidak wujud secara jelas, namun setiap dari kita dapat

mengagak masa untuk kita mengambil giliran. Ia juga banyak bergantung kepada budaya, masa, emosi dan sikap individu tersebut.

Bagi masyarakat Barat, mereka akan menunggu seseorang penutur menamatkan perbualan mereka, sebelum mengambil giliran. Walau bagaimanapun, peraturan ini tentulah tidak berguna kepada seorang penutur atau pendengar yang berada di dalam keadaan marah atau beremosi, baik masyarakat Barat mahupun Asia. Ini kerana di dalam keadaan marah, gembira atau sedih sekalipun, apabila emosi berada di dalam keadaan tidak stabil, ada penutur yang akan cuba meluahkan perasaan tanpa menghiraukan penutur kedua.

Di dalam masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Melayu khasnya, peraturan pengambilan giliran adalah tidak begitu dipatuhi terutama di dalam perbualan yang tidak rasmi seperti perbualan di kalangan rakan atau saudara mara. Ini tidak bermaksud orang Malaysia tidak beradab kerana merampas giliran, mengulang ujaran, membuat celahan dan sebagainya, tetapi sebaliknya menunjukkan keakraban di antara mereka. Mereka berbuat demikian supaya perbualan berjalan di dalam keadaan yang gembira dan harmoni.

Mekanisma pengambilan giliran wujud di dalam setiap masyarakat bahasa, tetapi ia berbeza bergantung kepada budaya, individu, tahap pendidikan dan sebagainya. Di dalam masyarakat Barat kanak-kanak dididik sejak dari

kecil supaya menunggu giliran. Misalnya kata-kata ‘*wait for your turn*’ merupakan satu amaran kepada anak-anak yang menyampuk percakapan ibu bapa.

Namun demikian apakah sebenarnya pengambilan giliran? Menurut Maynard (1993) pengambilan giliran atau (*speaker*) *turn* ialah,

「発話順番」とは会話において一人の話者が話す権利を行使するその会話中の単位で、会話の当事者によりその何らかの意味又は機能を持っていると認めるのである。しかもある発話が誰かの発話順番であると認めるためには、話し手と聞き手両者とも発話の順番をとる者が何かを言うことを認め、それを補う形で聞き手は聞き手の役目を引き受けなければならない。このような状況が確認されるとき、話してが発話順番を取ったとする。

Giliran bercakap adalah satu unit semasa perbualan berlangsung di mana seorang penutur menggunakan haknya untuk bercakap. Ia dikenalpasti sebagai mempunyai makna atau fungsi oleh mereka yang terlibat di dalam perbualan. Dan lagi, untuk memastikan giliran bercakap seseorang itu, kedua-dua penutur dan pendengar mestilah menerima apa-apa yang diujarkan oleh pihak yang akan mengambil giliran, dan mesti melaksanakan peranannya sebagai penutur dan pendengar dengan menyokong ujaran tersebut. Apabila keadaan ini telah dipastikan, maka barulah dikatakan seseorang penutur telah mengambil giliran.

(Maynard, 1993: 6)

Jelaslah di sini bahawa di dalam perbualan pendengar dan penutur memainkan peranan yang sama penting. Pendengar (yang kemudiannya menjadi penutur) bertanggungjawab untuk memberi maklum balas sama ada memberi penerangan, menyokong, membantah dan sebagainya agar perbualan terus

berjalan dengan lancar. Apabila penutur dan pendengar saling memainkan peranan masing-masing, maka barulah dikatakan perbualan berlangsung, dan pengambilan giliran berlaku.

Walau bagaimanapun menurut Tanaka (2000), pengambilan giliran di dalam bahasa Jepun berlaku lebih lambat jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris kerana sifat bahasa Jepun yang tidak mempunyai '*early projection strategies*' dan tidak '*straightforward*' seperti mana bahasa Inggeris. Ini menyebabkan pendengar terpaksa mendengar ujaran penutur sehingga kepada beberapa suku kata terakhir sebelum memilih untuk mengambil giliran.

The grammatical structure of Japanese permits incremental transformability of a turn in progress and overwhelmingly results in a later arrival of the point at which the emerging shape of a turn can be known. This delayed projectability in Japanese, however, is to a large extent compensated by a potentially greater degree of certitude with which participants can localize turn endings through devices that mark possible transition-relevance places.

(Tanaka, 2000: 1)

Selain daripada struktur nahu yang menyebabkan kelambatan di dalam proses pengambilan giliran, sifat dan budaya bangsa Jepun juga menyumbang ke arah kelambatan ini. Celahan di dalam perbualan bahasa Jepun jarang berlaku kerana pendengar bukan sahaja menunggu dengan taat ujaran penutur semasa sehingga selesai tetapi juga kerana sifat bahasa Jepun itu sendiri yang mempunyai unsur-unsur atau konotasi ketidakpastian. Unsur-unsur ketidakpastian seperti

penggunaan ujaran atau perkataan *ee, maa, anou, eeto, anooudesune, soudesune* dan sebagainya menyebabkan penutur menunggu sehingga akhir ujaran bagi memastikan pendapat atau pendirian penutur semasa terhadap sesuatu perkara.

2.4.1 *Transition Relevance Places* (TRP)

Di dalam perbualan terdapat *natural breaks*, iaitu apabila penutur semasa berhenti untuk mengambil nafas, kehabisan idea atau apabila apa yang ingin diutarakannya sudah selesai. Apabila keadaan ini berlaku, pendengar boleh mengambil giliran. Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) menamakannya sebagai *transition relevance places* atau TRP. Menurut mereka lagi, organisasi pengambilan giliran itu sendiri, iaitu TRP merupakan elemen penting bagi menyempurnakan pengambilan giliran.

TRP boleh juga dieksplotasikan oleh penutur semasa sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung. Penutur boleh jika dia mahu untuk tidak melepaskan gilirannya kepada orang lain. Dia mungkin berkata ‘atau’, ‘lagipun’, ‘akhirnya’, atau ‘yang tidak kurang pentingnya’ dan sebagainya selepas TRP bagi menunjukkan dia akan menyambung semula percakapannya. Pada masa ini pendengar yang tidak sabar akan memberikan isyarat seperti batuk dan sebagainya sebagai amaran supaya penutur menghabiskan ujarannya.

Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974) juga menyatakan penutur semasa juga boleh menentukan giliran bercakap dengan menamakan orang tertentu. Misalnya dengan mengatakan, ‘Apa pendapat Puan Siti tentang hal tersebut’, atau dengan memberi isyarat mata dan tangan. Penutur semasa boleh juga membiarkan pendengar lain bebas mengambil giliran tanpa menamakan sesiapa pun. Jika tiada pendengar lain ingin bercakap, dia boleh meneruskan kembali percakapannya sehinggalah TRP berlaku sekali lagi dan begitulah seterusnya.

Oleh itu, pengambilan giliran bercakap dan TRP sememangnya berkait rapat antara satu sama lain kerana pendengar atau penutur kedua akan menunggu kemungkinan TRP seseorang penutur semasa sekiranya ingin mengambil giliran. Penutur juga akan memberi isyarat bahawa dia sudah berada di akhir ujaran melalui intonasi ujaran terakhirnya atau elemen akhir ujaran.

Tanaka (2000) menyatakan, di dalam bahasa Jepun kata kerja merupakan salah satu aspek kemungkinan TRP. Ini kerana kata kerja di dalam bahasa Jepun terdapat pada penghujung ayat. Walau bagaimanapun, peraturan nahu di dalam bahasa Jepun tidaklah ketat seperti mana bahasa Inggeris.

Contohnya ujaran bahasa Jepun iaitu,

ano hitowa tomodachito isshoni KL ni iku.
Orang itu bersama kawannya pergi ke KL.

boleh diubah kepada,

Tomodachito isshon i KLni iku, anohitowa.
Bersama kawannya pergi ke KL, orang itu.

KLni iku, tomodachito isshon i, anohitowa.
Pergi ke KL, bersama kawannya, orang itu.

KLni iku, anohitowa, tomodachito isshon i.
Pergi ke KL, orang itu, bersama kawannya.

Tomodachito isshon i, anohitowa, KLni iku.
Bersama kawannya, orang itu, pergi ke KL.

Oleh kerana struktur nahu bahasa Jepun boleh diubah seperti di atas, maka Tanaka (2000) menyatakan kemungkinan TRP bukan sahaja boleh dikenali melalui kata kerja tetapi juga komponen predikat yang lain.

Selain daripada aspek tersebut, aspek yang perlu dititikberatkan di dalam pengambilan giliran bahasa Jepun adalah,

...incremental transformability of turn shapes, an aspect of Japanese grammar that can render tentative and revisable the ultimate trajectory of a turn until it approaches its terminal boundary.

(Tanaka, 2000:3)

Aspek-aspek organisasi pengambilan giliran ini dapat memberi bayangan kepada pendengar sama ada ia adalah kemungkinan TRP (melalui predikat atau kata kerja akhir) dan mereka boleh mengambil giliran, ataupun mereka perlu menunggu sehingga kemungkinan TRP berlaku sekali lagi, jika sekiranya ia dibentuk semula kepada komponen lain seperti penukaran bentuk kata kerja.

Jika pada kemungkinan TRP, kata kerja yang merupakan tanda penghujung ayat diubah kepada bentuk kata penyambung seperti partikel *te* dan *shi*, atau dengan kehadiran (atau tanpa kehadiran) intonasi, maka pendengar terpaksa menunggu TRP lain berlaku sekali lagi. Aspek-aspek inilah yang menyebabkan kelewatan pengambilan giliran di dalam perbualan bahasa Jepun.

Walau bagaimanapun adalah tidak sukar bagi pendengar meneka masa yang sesuai untuk mengambil giliran kerana sememangnya terdapat unsur-unsur lain yang mempengaruhi pendengar bagi mengenal pasti TRP penutur. Lagipun pendengar di dalam interaksi bahasa Jepun tidak akan terburu-buru mengambil giliran kerana cenderung untuk mendengar sehingga penutur sendiri berhenti bercakap.

Penutur juga akan memberi isyarat tertentu kepada pendengar bahawa mereka akan menamatkan giliran mereka seperti melalui intonasi pada akhir ujaran. Ini bertepatan dengan pendapat Mizutani (1983) bahawa pendengar bahasa Jepun adalah pendengar yang taat dan bahawa penutur yang baik adalah juga merupakan pendengar yang baik.

2.4.2 Elemen Akhir Ujaran dan Intonasi

Tanaka (2000) telah membuat kajian ke atas "*turn projection in Japanese talk in interaction*" melalui perbualan perorangan. Perbualan perorangan merujuk kepada perbualan di antara dua pihak iaitu

melibatkan seorang penutur dan seorang pendengar sahaja. Menurutnya, kemungkinan TRP di dalam bahasa Jepun boleh dikenali melalui elemen akhir ujaran, seperti kopula, partikel akhir, kata kerja dan komponen predikat.

Fox (1999) mendefinisikan *turn projection* sebagai,

...the display by speakers through the construction of their utterance how and when that utterance might come to completion in the (very near) future.

(Fox, 1999: 52)

Oleh yang demikian adalah penting bagi pendengar untuk mengenal pasti ciri-ciri *turn projection* bagi mereka menilai dan membuat andaian bahawa ujaran atau giliran bercakap penutur semasa akan tamat, dan pendengar boleh mengambil giliran seterusnya. Menurut Arminnen (1999),

A conversational interaction depends on participants' ability to recognize the completion of a turn so that the turn taking can take place and the conversation proceed in an orchestrated manner.

(Arminnen, 1999: 258)

Elemen akhir ujaran merupakan penanda yang penting di dalam sesuatu perbualan kerana pendengar hanya dapat mengetahui TRP penutur semasa hanya pada peringkat akhir ujaran. Oleh itu pendengar terpaksa menunggu ujaran penutur semasa berada di peringkat akhir ujaran sebelum menilai untuk mula mengambil giliran.

Tanaka (2000) juga membuat kesimpulan bahawa kombinasi elemen akhir ujaran seperti *ndayone* merupakan tanda bahawa penutur semasa menamatkan giliran bercakapnya. Intonasi juga merupakan penanda penting dan kehadiran intonasi sama ada tinggi atau rendah bersama dengan elemen akhir ujaran merupakan penamat kepada sesuatu giliran bercakap.

Walaupun kajian Tanaka (2000) menunjukkan kemungkinan TRP atau pengambilan giliran oleh penutur kedua berlaku selepas ujaran komponen predikat, namun kemungkinan akan terdapat perbezaan yang nyata dengan kajian penulis. Ini kerana konteks perbualan yang berbeza di antara kajian penulis dengan kajian Tanaka. Perbualan di dalam kajian Tanaka hanya memerlukan ujaran pendek, sedangkan perbualan di dalam kajian penulis adalah perbualan perbincangan yang memerlukan ujaran yang lebih panjang. Ini boleh menyebabkan pengambilan giliran tidak berlaku pada setiap peringkat predikat tetapi pada peringkat atau unit yang lebih luas daripada predikat atau ayat.

(1) B: *mata juuniji gorokara ittattsunone,*
<Youkoga.>{<}

Dia berkata dia keluar lagi lebih kurang dari pukul dua belas, *<Youko.>{<}*

F: *<un>{>}*

<Ya.>{>}

C: *Onajiyo, <erimo>{<}*

Sama, <kolar pun.>{<}

A: <*a!* *Honto?*>{>}

<Oh! Ya.?>{>}

(Tanaka, 2000: 5-6)

Di dalam perbualan antara B dan F (1) kita dapat melihat bahawa pengambilan giliran berlaku hanya setelah B selesai mengujarkan komponen predikat *ittattsunone*. Di dalam perbualan antara C dan A (2) juga, pengambilan giliran berlaku setelah ujaran komponen predikat *Onajiyo*. Di dalam kedua-dua perbualan di atas, pengambilan giliran berlaku hanya setelah komponen predikat diujarkan. Ini membuktikan bahawa komponen predikat merupakan salah satu penunjuk penting TRP selain daripada kata kerja atau partikel akhir.


Pertindanan ujaran berlaku pada hujung ujaran penutur semasa dan ujaran penutur kedua disebabkan oleh penutur kedua terus mengambil giliran sebaik sahaja mengagak bahawa penutur semasa akan menghabiskan ujarannya.

Selain dari elemen akhir ujaran, kemungkinan TRP boleh dikenali juga melalui intonasi yang tinggi atau rendah pada hujung ujaran. Tidak banyak kajian mengenai intonasi dilakukan oleh pengkaji bahasa sama ada oleh pengkaji tempatan maupun asing.

Walau bagaimanapun kepentingan intonasi di dalam perbualan telah ditunjukkan sejak kerja-kerja awal Sacks, Schegloff dan Jefferson (1974). Intonasi di akhir ujaran sama ada intonasi tinggi, rendah atau tiada perubahan intonasi pada hujung ujaran merupakan isyarat berguna kepada pendengar menilai sama ada ujaran penutur sudah sampai ke penghujungnya atau tidak. Intonasi menghantar mesej tertentu kepada pendengar sama ada pendengar boleh mengambil giliran seterusnya atau perlu menunggu TRP sekali lagi.

2.5 *Pause-bounded Phrasal Unit* (PPU)

Di dalam perbualan terdapat unit ujaran atau unit idea. Ia dipanggil *Pause-bounded Phrasal Unit* atau dengan ringkasnya PPU. PPU bukanlah bilangan ujaran tetapi tempat berhenti seperti jeda atau tempo yang terdapat di dalam perbualan. Menurut Maynard (1993), PPU boleh dikenali melalui jeda, atau tempo. Setiap unit pula biasanya sepanjang dua saat perbualan. Di dalam setiap unit pula biasanya terdapat kata kerja dan mempunyai maksud yang tersendiri. Ia juga biasanya mengikut intonasi di hujung klausa. Di dalam kajian ini, PPU ditandakan dengan koma(,). PPU banyak terdapat di dalam perbualan bahasa Jepun kerana ia merupakan unit idea penutur di dalam sesuatu ujaran. Penutur di dalam sesuatu perbualan akan berhenti apabila sesuatu unit idea selesai sebelum menyambung unit idea lain. Rajah 2.1 menunjukkan bagaimana satu ujaran berlangsung dengan kehadiran *tempo* atau *pause*.



Rajah 2.1 : Aliran Ujaran

Di dalam kajian ini, PPU kebanyakannya diikuti oleh *aizuchi* oleh pendengar. Ini menunjukkan apabila satu unit ujaran atau PPU selesai, pendengar memberi *aizuchi* untuk menunjukkan minatnya terhadap idea atau pendapat penutur semasa dan dengan itu penutur semasa boleh meneruskan ujarannya.

Contoh berikut merupakan contoh perbualan yang dipetik dari data perbualan kajian ini, bagi menunjukkan kaitan dan hubungan di antara PPU dan *aizuchi*.

**[Ujaran B menunjukkan unit idea ditanda dengan koma (,).
Aizuchi atarashii bermaksud ‘baru’, P mengulang semula
ujaran B, *atarashii* sebagai satu *aizuchi*.]**

B: そもそもですね、そもそも（うん）そういう風におっしゃるんだったらならば、（うん）今、その、野党案という風にかいて、あるでしょう？。（はいはい）
これはあたらしい（あたらしい）野党案なんです。

Somosomo desune, somosomo (un) soihuuni ossharun dattara naraba, (un) ima, sono, yatouan toihuuni kaite, aru deshou?(hai hai)
Korewa atarashii(atarashii)yatouan nandesu.

Pertama-tama sekali, pertama-tamanya (*un*) jika awak berkata begitu, (*un*) sekarang, itu, ada tertulis cadangan pembangkang, kan? (*haihai*)
Ini cadangan baru (baru) pembangkang.

Dapat dilihat dengan jelas terdapat lapan unit PPU di dalam perbualan ini dan separuh iaitu empat dari unit PPU ini, pendengar telah memberikan *aizuchi*, iaitu *un*, *hai hai* dan *atarashii*.

Di hujung setiap PPU ini pula biasanya adalah partikel. Partikel-partikel yang selalu didapati pada hujung PPU di dalam perbualan bahasa Jepun adalah partikel *ne*, *nee*, *sa*, *saa*, *no*, *kana*, *yona*, *yo*, *ka*, *wa* dan *ze*.

Unit PPU penting di dalam perbualan bahasa Jepun kerana pendengar akan mengagak masa yang sesuai untuk mengambil giliran berdasarkan unit PPU. Ini kerana seseorang itu boleh melihat sama ada penutur semasa akan meneruskan ujaran atau tidak berdasarkan tempo dan intonasi yang terdapat pada unit PPU. Berdasarkan tempo dan intonasi, seseorang pendengar boleh menilai sama ada penutur semasa sudah selesai memberi ujaran atau tidak. Jika pendengar mengagak penutur semasa sudah selesai memberi ujaran maka pendengar akan mengambil giliran pula.

Sebaliknya, jika pendengar mengagak penutur semasa belum bersedia untuk menghabiskan ujaran, maka pendengar akan memberi *aizuchi* pula supaya penutur semasa selesa untuk meneruskan ujaran. Pendengar yang tidak sabar

menunggu giliran juga akan membuat celahan apabila satu-satu unit PPU selesai diujarkan oleh penutur semasa.

Biasanya penutur kedua akan mengambil giliran semasa penutur semasa berhenti sekejap (untuk mengambil nafas misalnya) atau jeda kerana agak tidak sopan untuk mengambil giliran semasa penutur masih lagi bercakap.

2.6 Pertindanan dan Celahan

Orang Barat sekali pun tidaklah patuh kepada peraturan pengambilan giliran sepanjang semasa. Ini kerana menurut Tannen (1993), celahan penutur terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, orang yang mencelah memang berniat untuk mencelah dan mengganggu percakapan penutur semasa, dan yang kedua, adalah bertujuan untuk menolong penutur semasa, sekiranya pertuturan tidak lancar dan juga untuk merancakkan perbualan.

Celahan boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu gangguan dan pertolongan. Celahan dianggap sebagai gangguan jika seseorang itu dengan sengaja mahu mencelah dan mengganggu pertuturan penutur semasa.

Menurut Kubota (2001), celahan yang berlaku di parlimen semasa seseorang politikus berucap, merupakan satu gangguan yang menghalang para pendengar atau peserta lain dari mendengar dengan jelas ujaran atau pendapat yang dinyatakan oleh seseorang politikus yang sedang berucap tersebut.

Sebaliknya, celahan dianggap sebagai pertolongan jika orang yang mencelah itu berniat untuk membantu penutur semasa atau sekadar ingin merancakkan perbualan dan menjalinkan hubungan yang harmoni. Pendengar juga mungkin tidak dapat memahami ujaran penutur semasa dan dengan itu bertanya penutur semasa apakah yang maksud ujarannya. Keadaan sedemikian tidaklah boleh dianggap sebagai gangguan dalam erti kata yang sebenarnya. Tannen (1993), menamakan jenis celahan yang kedua ini sebagai *overlap* (pertindanan) bagi membezakannya dengan jenis yang pertama iaitu celahan.

Shaw (2000) yang membuat kajian ke atas analisis perbualan terhadap perdebatan yang berlaku di Parlimen British pula menamakan celahan sebagai *interventions* dan membahagikannya kepada halangan sah dan halangan tidak sah.

Halangan sah atau *legal interventions* dimaksudkan kepada pertanyaan atau komen yang diberi oleh penutur kedua kepada ujaran atau pernyataan penutur semasa dengan meminta kebenaran terlebih dahulu. Penutur kedua akan mendapatkan kebenaran dari penutur semasa dengan mengangkat tangan dan bertanya secara terus kepada penutur semasa. Jika penutur semasa bersetuju untuk mendengar pertanyaan atau pendapat penutur kedua tersebut, penutur semasa akan memberi peluang kepada penutur kedua meneruskan ujaran. Seterusnya penutur semasa akan memberi maklum balas atau jawapan kepada penutur kedua. Jika penutur semasa memilih untuk tidak memberi sebarang maklum balas terhadap pertanyaan penutur kedua, penutur semasa akan

meneruskan ujarannya yang tergendala itu tanpa membuat sebarang penjelasan atau komen kepada pertanyaan penutur kedua. Jika penutur semasa tidak bersetuju untuk mendengar pendapat penutur kedua, penutur semasa akan menolak permintaan tersebut sama ada secara langsung atau dengan meneruskan ujaran, tanpa menghiraukan celahan penutur kedua. Ini dinamakan sebagai ‘halangan tidak sah’ atau *illegal interventions*.

Celahan juga tidak boleh dianggap sebagai satu gangguan jika pendengar bertindak secara spontan tanpa ingin merampas giliran. Celahan ini berlaku dalam masa yang sekejap sahaja dan selepas itu penutur semasa boleh meneruskan ujarannya yang tergendala itu. Contoh celahan yang begini mungkin berbunyi seperti ‘saya pun fikir begitu’, ‘ya, benar’ dan sebagainya. Celahan biasanya berlaku di dalam keadaan yang tidak formal seperti perbualan di antara rakan-rakan.

Celahan yang dilakukan berulang kali akan mengganggu perbualan. Jika orang yang membuat celahan tidak mengendahkan penutur semasa dan terus mengambil giliran bercakap dan penutur semasa pula tidak beralih dan meneruskan ujarannya, maka pertindanan akan berlaku.

Pertindanan juga boleh berlaku pada hujung ujaran penutur semasa dan awal ujaran penutur kedua. Apabila penutur kedua dapat mengenal kemungkinan TRP penutur semasa, maka penutur kedua tidak menunggu penutur

semasa habis menyampaikan ujarannya, sebaliknya mula bercakap sebelum ujaran itu diakhiri penutur semasa dan ini menyebabkan pertindanan berlaku.

Post predicate components are found to be a typical locus of overlapping talk between the current and next speaker. Co-participants thereby treat post-predicate addition as recompleters by regularly beginning to speak toward the end of the predicate component.

(Tanaka, 2000: 5)

Misalnya di dalam ujaran berikut.

B: *mata juuniji gorokara ittatsunone. <Youko ga.>{<}*

Dia berkata dia keluar lagi lebih kurang dari pukul dua belas. <Youko.>{<}

F: <*un*>{>}

<*Ya.*>{>}

(Tanaka, 2000: 5)

Penutur kedua F mengenal pasti elemen akhir ujaran iaitu partikel akhir *no* dan *ne*, sebagai kemungkinan TRP penutur semasa, B. F lalu mengambil giliran selepas partikel tersebut. Dan ini menyebabkan ujaran B iaitu *Youko ga* bertindan dengan ujaran F, *un*.

2.7 Maklum Balas dan *Aizuchi*

Definisi maklum balas mengikut *Kamus Dewan*, edisi ketiga (2002) adalah,

Maklumat yang diterima kembali sebagai menjawab pertanyaan, soal selidik dan sebagainya, atau sebagai reaksi dan sebagainya, sesuatu tindakan (kegiatan, keputusan dan sebagainya).

(Noresah et al, 2002: 847)

Berdasarkan definisi Dewan Bahasa dan Pustaka ini, jelas menunjukkan bahawa maklum balas merupakan jawapan atau reaksi, persetujuan atau pertanyaan semula daripada penutur kedua kepada penutur semasa. Di dalam keadaan sebegini, nyata pengambilan giliran berlaku kerana penutur semasa mengharapkan reaksi penutur kedua terhadap ujarannya yang dinyatakan sebelum itu bagi membolehkan penutur semasa memberi maklumat selanjutnya. Ini menyebabkan komunikasi dua hala terus berlangsung.

Menurut Kubota (2001), maklum balas berlaku apabila penutur semasa menyerahkan hak bercakap kepada penutur kedua. Misalnya jawapan kepada pertanyaan penutur semasa oleh penutur kedua adalah satu maklum balas. Jika penutur semasa bertanya, dan pendengar menganggukkan kepala atau mengatakan 'ya', anggukan pendengar atau ujaran 'ya' penutur kedua itu adalah maklum balas. Apabila penutur kedua memberi maklum balas, pengambilan giliran berlaku.

Sebaliknya jika penutur semasa masih bercakap dan sedang meneruskan ujarannya, tetapi di dalam masa yang sama, pendengar menganggukkan kepala atau berkata 'ya', anggukan kepala dan ujaran 'ya' tersebut adalah satu *aizuchi*. Di sini tiada pengambilan giliran berlaku.

しかし厳密には、この区別が難しいのです。…実際の会話を分析してみると、どこからどこまでが「さくらが話しているとき」にあたるのか、つまり発話権を維持した状態にあるのか、という線引きが難しいことがあります。

Jika diperhatikan dengan teliti, perbezaan ini adalah sukar... Bila mengkaji perbualan sebenar, adalah sukar untuk membuat sempadan, dari mana sampai mana 'semasa [penutur semasa] sedang bercakap', dengan kata lain, di dalam keadaan, di mana [penutur semasa] sedang memegang hak bercakap.

(Kubota, 2001:40)

Di dalam sesuatu perbualan, pendengar akan memberi maklum balas supaya penutur mengetahui yang dia mendengar dan memahami ujaran penutur. Maklum balas seseorang pendengar mungkin sekadar mengangguk kepala atau menuturkan beberapa perkataan atau beberapa ayat yang menunjukkan pemahamannya terhadap apa yang dikatakan penutur.

Pendengar boleh mengeluarkan berbagai maklum balas yang berlainan. Antaranya, maklum balas bahawa dia tidak memahami ujaran penutur, maklum balas yang menunjukkan dia memahami dan menerima ujaran penutur, maklum balas sebagai jawapan jika ujaran itu adalah satu pertanyaan dan maklum balas

bahawa dia tidak mempunyai jawapan kepada pertanyaan tersebut. Apabila seseorang itu mesti memberi maklum balas berserta dengan jawapan, dia mesti mencari pengetahuan asas kepada jawapan tersebut.

Walau bagaimanapun di dalam kajian ini, maklum balas seperti ini tidak akan dibincangkan kerana matlamat kajian ini adalah untuk melihat struktur pengambilan giliran. Penulis tidak mengkaji makna perkataan atau ayat yang dituturkan tetapi fenomena atau kelakuan peserta semasa perbualan berlaku. Oleh itu apa yang termasuk dalam kajian ini adalah *aizuchi* iaitu salah satu bentuk maklum balas yang khusus di dalam bahasa Jepun.

Perbezaan antara maklum balas dan penggunaan *aizuchi* akan dikaji. Maklum balas adalah jawapan atau ujaran pendek yang menunjukkan kefahaman atau jawapan pendengar terhadap ujaran penutur seperti contoh berikut.

A: *ashita jugyou arimasuka?*

Esok, ada kuliahkah?

B: *Hai.*

Ya.

C: *damedato omoimasu.*

Saya rasa tidak boleh.

D: *ee.*

Ya.

Ujaran *hai* dan *ee* tersebut merupakan maklum balas kepada ujaran A dan C, di mana B memberi jawapan kepada pertanyaan A, dan D pula mengiakan pendapat C. Dengan jelas kita dapat melihat pertukaran pengambilan giliran.

Definisi maklum balas adalah, satu reaksi daripada pendengar (atau penutur kedua) sama ada berupa persetujuan, pernyataan, pertanyaan (semula) atau jawapan kepada penutur semasa terhadap ujaran atau tindakan penutur semasa sama ada secara lisan atau bukan lisan, dan ini menyebabkan satu pertukaran pengambilan giliran berlaku.

Seperti yang dinyatakan di dalam 1.7, objektif kajian ini adalah untuk melihat fungsi *aizuchi* di dalam perbualan bahasa Jepun. Di dalam kes *aizuchi*, penutur semasa tidak mengharapkan sebarang jawapan atau reaksi daripada penutur kedua (atau pendengar) terhadap maklumat yang disampaikan kerana dia masih mahu meneruskan ujaran atau memberi maklumat lain. Apa yang diingini oleh penutur semasa hanya isyarat daripada pendengar (sama ada secara lisan atau gerak badan) bahawa pendengar sedang ‘mendengar’ dengan ‘penuh minat’ agar penutur semasa selesa untuk meneruskan ujarannya, sehingga apa yang ingin disampaikan itu berjaya disampaikan tanpa celahan daripada penutur kedua.

Di dalam *aizuchi*, ‘tiada pertukaran’ pengambilan giliran berlaku. Misalnya di dalam contoh yang berikut, *aizuchi* dimasukkan di dalam () dan ini bermaksud sifat penutur *aizuchi* dianggap tidak mengambil giliran bercakap.

[ujaran M dan *aizuchi* yang dikeluarkan oleh pendengar]

M: ...えー、従いまして、それに応じてですねー、(うん)
まー慣例によりまして、各派からですねー、(うん) ...

...ee, *shitagaimashite, soreni oujitedesunee, (un) maa kanreini yorimashite, kakuhakaradesune, (un)...*

...ee, oleh itu, berdasarkan perkara tersebut, (un)
berdasarkan amalan biasa, dari setiap puak, (un)...

Kubota (2001) membezakan *aizuchi* dan maklum balas sebagai *aizuchi* dan *hentou* (返答-jawapan). Beliau memberikan dua contoh.

(1) Sakura: *Ashita puuruhe iku?*

(Esok, pergi ke kolam renang?)

Kyoko: *Un.*

(Ya.)

(2) Sakura: *Ashita puurruhe ikoouto omotteirundakedone.*

(Esok, saya rasa saya ingin pergi ke kolam renang.)

Kyoko: *Un.*

Sakura: *Okuasangane,*

(Emak,)

Kyoko: *Un.*

Sakura: *imoutono Naomimo tsurete ikinasaitteiundakedo.*

(Mahu saya ajak adik saya Naomi bersama.)

Kyoko: *un.*

Sakura: *tsureteittara kaerini karaoke yorenaijan. ne*

(Kalau bawa pulang nanti tak boleh singgah di karaoke.)

Kyoko: *a, soudane.*

(Betul.)

(Kubota:2001, 39-40)

Ujaran *un* di dalam perbualan (1) merupakan jawapan atau maklum balas Kyoko kepada pertanyaan Sakura bermaksud ‘ya’ dan ini merupakan *hentou* (maklum balas). Sedangkan ujaran *un* di dalam perbualan (2) merupakan *aizuchi* dan tidak bermaksud ‘ya’ dalam erti kata yang sebenarnya. ‘*un*’ di sini berfungsi sekadar satu ‘isyarat’ oleh Kyoko kepada Sakura supaya Sakura meneruskan ujarannya. Maklum balas kepada kata-kata Sakura di dalam perbualan kedua ialah ‘*a, soudane*’ yang menunjukkan persetujuan Kyoko kepada kata-kata Sakura.

Secara ringkasnya *un*, *ee*, *haa* dan sebagainya yang memberi maksud ‘persetujuan’, ‘kefahaman’ atau jawapan dianggap sebagai satu maklum balas atau *hentou*, manakala *un*, *ee*, *haa* dan sebagainya yang hanya bermaksud ‘saya sedang mendengar, sila teruskan percakapan anda’ dianggap sebagai *aizuchi*.

Oleh kerana terdapat perbezaan antara maklum balas dan *aizuchi* sebegini, penulis menggunakan pendekatan Usami (2000) bagi penyediaan transkripsi yang meletakkan *aizuchi* di dalam tanda kurungan, (). Manakala maklum balas yang menunjukkan ‘persetujuan’, ‘kefahaman’ atau jawapan adalah satu bentuk pengambilan giliran kerana pertukaran penutur berlaku. Penyediaan transkripsi oleh Usami (2000) boleh dirujuk melalui laman web <http://nihongo.human.metro-u.ac.jp/mic-J/houkokusho/mojika.html>.

Di bawah adalah bentuk perbualan yang telah diubahsuai mengikut pendekatan transkripsi Usami (2000) diambil daripada perbualan (2) di atas. Di dalam kurungan adalah maklum balas yang berupa *aizuchi* dan ujaran *a, soudane* adalah maklum balas Kyoko kepada pernyataan Sakura.

Sakura: *Ashita puurruhe ikoouto
omotteirundakedone. (un) kaasangane, (un)
imoutono Naomimo tsurete
ikinasaitteiundakedo, (un) tsureteittara
kaerini karaoke yorenaijan, ne.*

Kyoko: *a, soudane.*

Kubota (2001) dan Usami (2000) juga sepakat mengatakan bahawa jika sekiranya *aizuchi* yang dikeluarkan oleh penutur kedua atau pendengar menyebabkan penutur semasa menghentikan ujaran atau memberi maklum balas kepada *aizuchi* tersebut, maka *aizuchi* yang dikeluarkan oleh penutur kedua atau

pendengar itu tidak lagi dianggap sebagai *aizuchi* tetapi sebagai *hentou* dan ini menyebabkan satu pengambilan giliran berlaku.

Berikut adalah petikan daripada data perbualan kajian ini, menunjukkan ujaran *hai* oleh Q bukan merupakan *aizuchi* tetapi satu maklum balas.

[**Perbualan di antara H, P dan Q. Ujaran Q, *hai* bukan merupakan satu *aizuchi* tetapi satu maklumbalas.**]

H: ...党首討論てのはね、本当はそういうことを、<議論していただきたいんですよ。>{<}

...toushu tourontenowane, hontouwa souiuu kotowo <gironshite itadakitaidesuyo.>{<}

...ucapan presiden parti, sebenarnya itu <yang perlu diperbincangkan.>{<}

P: <そういう事でね、Qさん,>

<souiuu kotodene, Q san,>

<Dengan itu, En. Q,>

Q: <はい。>


<hai.>

<ya.>

Di dalam data perbualan penulis di atas, penulis meletakkan ujaran Q, iaitu *hai* di dalam baris yang berlainan (satu pengambilan giliran berlaku) yang menunjukkan ujaran *hai* tersebut bukanlah satu *aizuchi* sebaliknya satu maklum

balas. Ini kerana P telah memotong percakapan H dan menamakan Q sebagai penutur seterusnya. P mengambil sedikit jeda di dalam ujarannya, selepas mengujarkan *Q san*, (tanda koma menunjukkan jeda) dan memandang Q sebelum meneruskan soalan berikutnya. Apabila P menyebut nama Q, Q memberi maklum balas dengan mengatakan *hai* (bermaksud ‘ya, saya ada di sini’), dan pada ketika ini Q mendengar apakah soalan yang akan diutarakan oleh P.

Aizuchi adalah salah satu bentuk maklum balas. Tetapi adalah penting untuk membezakan *aizuchi* dari maklum balas kerana kajian ini tidak mengambil kira maklum balas tetapi *aizuchi*. Rajah di bawah menunjukkan perbezaan maklum balas dan *aizuchi*.



Rajah 2.2: Perbezaan Maklum Balas dan *Aizuchi*

Seperti mana Rajah 2.2, maklum balas boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu jawapan atau persetujuan penutur kedua kepada penutur semasa, dan *aizuchi*. Apa yang dimaksudkan dengan jawapan atau persetujuan penutur kedua adalah ujaran tersebut merupakan reaksi penutur kedua terhadap ujaran penutur semasa, sama ada dengan memberi jawapan (atau menyoal kembali) atau menyatakan persetujuan (atau tidak) kepada penutur semasa. Oleh itu, pengambilan giliran berlaku kerana penutur kedua memberi pendapat atau menyatakan perasaan atau sikapnya terhadap sesuatu perkara kepada penutur semasa tersebut.

Aizuchi merupakan maklum balas yang lebih khusus dari jawapan atau persetujuan semata-mata. Ia diujarkan bukan untuk memberi pendapat atau reaksi terhadap sesuatu perkara yang sedang dibincangkan kepada penutur semasa. Ia diujarkan semata-mata sebagai isyarat agar penutur semasa meneruskan ujarannya dan memberitahu penutur semasa secara tidak langsung bahawa penutur kedua tidak akan mengganggu ujaran atau mengambil giliran. Sipenutur pula dengan kehadiran *aizuchi* oleh penutur kedua (atau pendengar) akan meneruskan ujaran sehingga selesai tanpa perlu bimbang ujarannya akan dicelah oleh penutur kedua.

Kehadiran *aizuchi* akan melancarkan perbualan dan mengurangkan celahan atau pertindanan di dalam perbualan, kerana aliran perbualan ‘dikawal’ oleh kehadiran *aizuchi*. Jika tiada *aizuchi* dikeluarkan, penutur semasa mungkin

akan teragak-agak untuk meneruskan ujaran kerana tiada isyarat tertentu dihantar oleh pendengar. Pendengar yang tidak memberi *aizuchi* juga mungkin pada bila-bila masa akan membuat celahan atau merampas giliran. Oleh itu *aizuchi* merupakan ‘inti’ kepada sesuatu maklum balas atau satu unit yang asas di dalam sesuatu perbualan, khususnya perbualan bahasa Jepun.

2.8 *Aizuchi*

Schegloff (1982) mendefinisikan *aizuchi* ini sebagai ‘*continuer*’ dan ‘*to pass an opportunity to initiate repair*’ di mana ‘*continuer*’ membawa maksud ‘sebagai seorang pendengar, pada masa ini, saya tidak berhasrat untuk mengambil giliran, oleh itu sila teruskan bercakap’. Manakala, ‘*to pass an opportunity to initiate repair*’ membawa maksud ‘sebagai seorang pendengar saya tidak akan membetulkan ujaran anda walaupun anda mungkin silap, tidak akan bertanya walaupun suara anda perlahan dan sebagainya, oleh itu sila teruskan bercakap’.

Aizuchi merupakan satu fenomena biasa yang berlaku di dalam setiap masyarakat bahasa. *Aizuchi* merupakan maklum balas, tetapi tidak semestinya maklum balas adalah *aizuchi*. *Aizuchi* di dalam masyarakat Jepun merupakan satu fenomena yang agak istimewa kerana kepentingan *aizuchi* itu di dalam perbualan bahasa Jepun.

Aizuchi bukan sahaja dengan memberikan maklum balas seperti mengeluarkan suara tetapi juga dengan memberikan bahasa badan.

Kubota (2001) mendefinisikan *aizuchi* sebagai,

相手に調子を合わせる。

Menyesuaikan keadaan dengan sifat-nature.

(Kubota, 2001: 32)

「あいづち」には「うなずい」たり「ええ、ええ」と声に出して伝えたりと、いろいろな表現方法があることがわかります。「あいづち」は単純なようですが奥が深いです。

Terdapat berbagai bentuk *aizuchi* seperti anggukan dan mengeluarkan bunyi *ee, ee*. *Aizuchi* nampak mudah tetapi kompleks.

(Kubota, 2001: 32)

Menurut Kubota *aizuchi* merupakan kunci utama kepada ciri-ciri komunikasi bangsa Jepun. Makna *aizuchi* di dalam kamus *Japanese-English New Collegiate* (1983), edisi ketiga terbitan Kenkyusha adalah,

Give responses (to make the conversation go smoothly).

英語では時々あいづちに *uh-huh* などというが、日本語の会話のように頻繁にあいづちを打つことはしない。

...Di dalam bahasa Inggeris adalah misalnya *uh-huh* tetapi tidak seperti perbualan bahasa Jepun yang sentiasa mengulang dan kerap memberi *aizuchi*.

(Ishikawa et al, 1983: 4)

Makna *aizuchi* di dalam kamus *Nihongo Daijiten* (Kamus Besar Bahasa Jepun), terbitan Kodansha tahun 1989 pula adalah,

人の話に、調子を合わせる。 *Chime in.*

Menyesuaikan keadaan dengan percakapan seseorang.

(Umesao, 1989: 8)

Mizutani (1983) tidak memberikan definisi yang jelas mengenai *aizuchi*. Walau bagaimanapun, Mizutani memberikan contoh *aizuchi* sebagai, *un*, *uso*, *soudesu*, *soudeshoone*, *naruhodo*, *haahaa*, *ne*, dan sebagainya.

Maynard (1993) pula mendefinisikan *aizuchi* sebagai ekspresi pendek (termasuk gerak badan) yang dikirim oleh pendengar kepada penutur, semasa penutur menggunakan haknya untuk bercakap. Walau bagaimanapun, jika penutur semasa itu menghentikan ujaran dan memberi haknya kepada pendengar, maka apa yang dibuat atau diujarkan oleh pendengar tersebut tidak lagi dianggap *aizuchi* tetapi sebagai satu pengambilan giliran.

Fungsi *aizuchi* pada umumnya adalah untuk memberitahu penutur mereka sedang mendengar dan mengambil perhatian ke atas percakapan penutur. Dengan kehadiran *aizuchi*, penutur dapat meneruskan ujaran tanpa memikirkan dia perlu menutup perbualan atau tidak. Oleh itu, *aizuchi* tidak boleh dianggap sebagai gangguan kerana fungsinya bukan untuk merampas giliran tetapi hanya

untuk ‘mengiakan’ ujaran penutur supaya penutur dapat meneruskan ujaran dengan selesa.

Tujuan *aizuchi* diujarkan adalah supaya penutur mengetahui bahawa pendengar sedang mendengar apa yang diperkatakan dan dengan itu membolehkan penutur meneruskan perbualan mereka dengan selesa tanpa perlu memikirkan sama ada mereka perlu berhenti untuk memberi giliran kepada penutur seterusnya atau tidak.

Menurut LoCastro (1987), penggunaan pelbagai *aizuchi* sama ada secara lisan atau bahasa badan, di dalam perbualan bahasa Jepun oleh orang Jepun adalah perkara biasa. Menurutnya lagi, orang Jepun sering merasa tidak selesa apabila bercakap dalam bahasa Inggeris kerana mereka tidak dapat menggunakan *aizuchi* yang sesuai. Ini diperkuatkan lagi dengan pendapat Ellis,

In comparison to native speakers of English, the Japanese,

1. *are less verbal, more inclined to use silence in intercultural interactions.*
2. *are inclined to use more backchannelling devices...*

(Ellis, 1991:16)

Ini menunjukkan sikap orang Jepun yang suka mendengar dan mengujarkan *aizuchi*. Penggunaan *aizuchi* ini juga dapat dilihat semasa mereka menggunakan bahasa Jepun, bahasa Inggeris dan mungkin juga bahasa lain.

Di dalam bahasa Jepun, ujaran *ee*, *soudesune*, *soudesuka*, *haa*, *un*, *honto*, *hontouni*, *hai*, *iine* dan banyak lagi merupakan ujaran yang biasa diujarkan dan merupakan salah satu bentuk maklum balas. Bergantung kepada konteks perbualan, ujaran tersebut juga merupakan *aizuchi*. Perkataan *ee*, *soudesune*, *haa*, *un*, *hai* mungkin boleh diterjemahkan sebagai ‘ya’, *soudesuka* sebagai ‘yakah’, *hontou* sebagai ‘benar’ dan *hontouni* sebagai ‘benarkah’. Makna sebenar tidak boleh didapati di dalam kamus kerana sifatnya yang mempunyai konotasi ketidakpastian dan berkonteks. Masyarakat Melayu pula pada amnya mengujarkan ‘ya’, ‘ya ke’, ‘hmm’ dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, *aizuchi* juga tidak menggambarkan perasaan pengujarnya. Oleh kerana fungsinya sekadar ‘mengiakan’ pendapat penutur, atau dengan lebih tepat lagi sebagai *continuer* semata-mata ‘kesahihan’ makna *aizuchi* itu sendiri adalah boleh diragui. *Aizuchi* seperti *hai*, *ee* dan *un* misalnya jika diterjemahkan atau dicari maknanya di dalam kamus adalah bermaksud ‘ya’ atau satu persetujuan. Berikut adalah petikan dari Kamus *Japanese-English Dictionary* terbitan Kenkyusha tahun 1983 edisi ketiga.

Kamus ini memberi definisi *hai* sebagai,

<応答の声> [reply] yes; certainly; all right; very well; <出席の答>[attendance] here, sir!; present, sir!

(1983:986)

un sebagai,

yes; all right; well;... say yes; agree; reply affirmatively...
nod (one's) agreement...

(1983:125)

dan *ee* sebagai,

yes; oh, yes!; <疑問>[question] eh?; what?; (I beg
your) pardon?; <ためらい>[hesitation] well; let me
see; er...

(1983:131)

Di dalam sesuatu perbualan, ujaran *hai*, *un* dan *ee* di dalam konteks *aizuchi* (bukan maklum balas) tidak semestinya memberi maksud seperti yang tercetak di dalam kamus. Oleh itu agak sukar untuk kita membuat tafsiran sama ada pengujar *aizuchi* tersebut bersetuju atau tidak dengan penutur semasa. Maka benarlah pendapat Schegloff (1982) bahawa *aizuchi* hanya bertindak sebagai *continuer* semata-mata di dalam perbualan. Ini merupakan fenomena biasa di dalam masyarakat bahasa terutama masyarakat Jepun, kerana salah satu tujuan berbahasa adalah untuk beramah tamah iaitu untuk memenuhi matlamat sosial.

Di dalam pergaulan seharian, kita tidak bercakap atau mengujarkan sesuatu yang benar sepanjang masa. Apa yang berada di dalam fikiran dan apa yang diujarkan adalah mungkin tidak selari setiap waktu. Ini bertujuan untuk menjaga keharmonian perbualan dan hubungan sesama manusia.

Oleh itu definisi *aizuchi* adalah, satu bentuk maklum balas yang khusus daripada pendengar atau penutur kedua yang dikirim kepada penutur semasa, semasa penutur semasa sedang (dan akan) meneruskan ujarannya supaya penutur semasa dapat meneruskan ujarannya dengan selesa tanpa perlu memikirkan sama ada perlu atau tidak untuk berhenti dan memberi giliran kepada penutur seterusnya atau tidak. Di dalam *aizuchi*, tiada pengambilan giliran berlaku kerana pendengar tidak bermaksud untuk mengambil giliran atau membuat celahan tetapi ‘memberitahu’ penutur semasa agar meneruskan ujaran sehingga penutur semasa selesai memberi pendapat atau maklumat yang ingin disampaikan.

Perbincangan di dalam bahagian ini jelas menunjukkan definisi dan kepentingan *aizuchi* di dalam perbualan bahasa Jepun. Oleh itu, adalah kajian terperinci mengenai *aizuchi* adalah amat signifikan dilakukan bagi melihat kepentingan dan fungsinya di dalam perbualan bahasa Jepun. Adakah *aizuchi* di dalam bahasa Jepun hanya bertindak sebagai *continuer* semata-mata sebagaimana yang diutarakan oleh Schegloff (1982)? Peranan *aizuchi*, kekerapan penggunaannya serta jenis-jenis *aizuchi* sepatutnya dapat dilihat dengan lebih jelas di dalam kajian ini.

2.9 Strategi Perbualan

Tanaka (2000) yang telah membuat kajian ke atas perbualan perorangan dan perbualan telefon telah menjumpai dua strategi di dalam data perbualannya iaitu strategi mengekalkan giliran dan strategi menutup perbualan.

Menurut Tanaka (2000), bagi mengekalkan giliran bercakap, seseorang penutur akan bercakap tanpa mengubah sebarang intonasi pada hujung ujaran. Penutur juga akan bercakap ‘cepat’ iaitu bercakap tanpa sebarang jeda atau *tempo* bagi mengelakkan ujarannya dicelah oleh pendengar.

Menurut beliau lagi, penutur akan menggunakan intonasi yang tinggi atau intonasi rendah bagi menutup ujaran. Kedua-dua strategi mengekalkan giliran dan strategi menutup perbualan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam 2.9.1 dan 2.9.2.

2.9.1 Strategi Mengekalkan Giliran

Strategi mengekalkan giliran berlaku apabila seseorang penutur tidak mempedulikan kemungkinan TRP (*Transition Relevance Places*) yang terdapat pada komponen akhir predikat. Strategi yang digunakan adalah seperti berikut:

...speakers typically attach post-predicate additions without any prosodic breaks,...contiguously latching an additional increment to the preceding predicate component, using a sound stretch to deliver the last syllable of the predicate component before affixing the post-predicate portion, or both.

(Tanaka, 2000: 5)

Teknik seperti ini digunakan untuk menyekat kemungkinan penutur kedua memulakan ujaran sebaik sahaja ujaran penutur semasa sampai pada akhir predikat atau kemungkinan TRP. Jika kesempatan ini digunakan oleh penutur

kedua dan penutur semasa pula tidak menggunakan teknik-teknik di atas maka pertindanan akan berlaku.

Menurut Tanaka, penutur semasa yang ingin mengekalkan giliran bercakap bukan sahaja menggunakan teknik intonasi seperti intonasi yang tinggi atau tiada perubahan intonasi pada kemungkinan TRP tetapi juga bercakap cepat antara predikat dengan predikat atau ayat dengan ayat. Penutur semasa juga akan bercakap cepat pada penghujung unit PPU dan awal unit PPU bagi menyekat kemungkinan penutur kedua membuat celahan atau merampas giliran.

Oleh kerana kajian penulis ini adalah berdasarkan perbualan perbincangan mungkin terdapat strategi-strategi lain yang digunakan oleh penutur bagi mengekalkan giliran bercakap.

2.9.2 Strategi Menutup Giliran

Di dalam strategi menutup giliran pula, seseorang penutur akan menutup ujaran pada elemen akhir ujaran atau melalui ciri-ciri intonasi yang terdapat di dalam *iikiri truncated form*. *Iikiri truncated form* merujuk kepada bentuk akhir satu ayat (atau ujaran) yang digunakan oleh penutur semasa di mana bentuk akhir (hujung ayat atau hujung ujaran) tersebut tidak mengikut kebiasaan nahu bahasa Jepun atau ‘kudung’ seperti yang akan dibincangkan seterusnya.

Menurut Tanaka (2000), elemen akhir ujaran ini, di dalam perbualan bahasa Jepun, adalah kata kerja terbitan seperti *masu*, *mashou*, dan *mashita*; kopula seperti *desu*, *deshou*, *da*, atau *na*; partikel akhir seperti *ne*, *yo*, *sa*, *ka*, *no*, *wa*, *zo*; penanda ayat perintah seperti *kudasai*, *choudai*, *nasai* dan lain-lain seperti *wake*, *mono*, *mon* dan *n*.

Menurut Tanaka lagi jika tiada elemen akhir ujaran atau kombinasi elemen akhir ujaran seperti di atas, pendengar boleh melihat bentuk intonasi seperti intonasi yang tinggi atau rendah menandakan seseorang penutur menutup giliran bercakap. Ciri-ciri intonasi inilah yang dinamakan *iikiri truncated form* oleh Tanaka (2000).

Penulis akan melihat strategi menutup giliran ini di dalam dua bentuk iaitu strategi menutup perbualan sendiri oleh peserta dan strategi menutup perbualan peserta oleh pengerusi.

2.10 Pasangan Adjasensi

Apa yang dimaksudkan dengan pasangan adjasensi adalah pasangan tanya-jawab di dalam perbualan.

対話者同士で築き上げる一対の隣り合った発話のことと隣接ペア(adjacency pair)という。たとえば質問(Q)ー答え(A)は一種の隣接ペアであり、面談にありがちな発話連続をなす。

Ujaran ‘sebelah-menyebelah’ yang dibina oleh peserta perbualan dipanggil pasangan adjesensi. Misalnya, soalan (Q)-jawapan (A) merupakan sejenis pasangan adjasensi, dan terbentuk daripada ujaran berterusan dan biasanya terdapat di dalam temu duga.

(Hashiuchi, 1999: 101)

Contohnya, di dalam perbualan berikut, di mana soalan A dan jawapan B merupakan pasangan adjasensi. Di dalam perbualan berikut terdapat dua pasang pasangan adjasensi.

- A: Bila balik?
- B: Semalam.
- A: Bila nak pergi pula?
- B: Esok.

Tetapi bukan pasangan tanya-jawab secara lisan sahaja adalah pasangan adjasensi. Jika A mempelawa B menaiki kereta menggunakan isyarat tangan dan kepala dan B tanpa berkata apa-apa, terus menaiki kereta A, atau B terus berlalu dari situ tanpa menaiki kereta A, perlakuan A dan B juga adalah pasangan adjasensi. Ini kerana tanpa berkata apa-apa pun mesej tetap berjaya disampaikan sama ada oleh A mahupun B.

2.11 Kesopanan di dalam Perbualan Bahasa Jepun: Konsep *Uchi* dan *Soto*

Holmes (1995) memberi definisi kesopanan sebagai ‘mengambil berat terhadap perasaan orang lain’. Menurut beliau terdapat pelbagai cara bagaimana seseorang itu menjaga perasaan orang yang dilawan bercakap sama ada secara linguistik atau bukan linguistik.

Menurut Leech (1983) penutur bukan sahaja menunjukkan kesopanan bercakap kepada penutur kedua sahaja tetapi juga kepada orang ketiga. Di dalam konteks kajian ini, orang ketiga yang dimaksudkan ialah pekerja televisyen semasa rakaman berlangsung dan para penonton rancangan televisyen ini.

Di dalam masyarakat Melayu, kesopanan bukan sekadar menuturkan kata-kata manis tetapi juga dengan menjaga tingkah laku di hadapan silawan cakap. Kanak-kanak di dalam masyarakat Melayu Kelantan dilarang sama sekali menyampuk perbualan orang dewasa atau melintas di hadapan atau belakang tetamu serta ibu bapa tanpa membongkokkan badan. Kanak-kanak diajar semenjak kecil supaya meminta keizinan seperti mengucapkan kata-kata ‘tumpang lalu’ jika ingin melintas di hadapan atau belakang tetamu di rumah.

Kanak-kanak di dalam masyarakat Melayu diajar bagaimana untuk menjaga tingkah laku di hadapan tetamu bagi menghormati tetamu. Lagipun adalah penting kanak-kanak bersopan ketika tetamu hadir di rumah bukan sahaja untuk menjaga perasaan tetamu tetapi juga menjaga ‘air muka’ ibu bapa kanak-kanak tersebut. Perlakuan biadap terhadap tetamu boleh dianggap sebagai ‘kurang ajar’ dan memalukan ibu bapa.

Menurut Asmah (1992), kesopanan di dalam masyarakat Melayu juga dikaitkan dengan cara seseorang itu berkomunikasi dengan seseorang. Menurutnya kesopanan adalah,

...not being forthright or assertive or agresif... not being blunt or direct in expressing views... not causing interpersonal conflict or avoiding 'loss face'.

(Asmah, 1992: 23-24)

Holmes (1995) dan Asmah (1992) menekankan bahawa kesopanan ditunjukkan melalui linguistik dan juga bukan linguistik (iaitu tingkah laku). Oleh itu sebenarnya kesopanan secara asasnya boleh dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu,

1. Pemilihan kata-kata sopan atau hormat
2. Penggunaan kata mengikut nada atau intonasi yang sesuai
3. menjaga tingkah laku supaya tidak disalah anggap

Di dalam masyarakat Jepun pula, kesopanan dikaitkan dengan konsep *uchi* dan *soto*. Konsep *uchi* dan *soto* amat istimewa di dalam masyarakat Jepun kerana konsep ini turut menterjemahkan budaya dan kesopanan di dalam masyarakatnya.

Menurut Morita (1995) di dalam masyarakat Jepun, *soto* merujuk kepada seseorang yang berada di luar ‘daerah’ sipenutur. Oleh itu, adalah perlu untuk menggunakan bahasa yang sopan terhadap orang tersebut.

Uchi pula merujuk kepada seseorang yang berada di dalam ‘daerah’ yang sama dengan sipenutur. Maka, adalah tidak perlu untuk menggunakan bahasa yang lebih sopan terhadapnya sebagaimana orang yang berada di dalam daerah *soto*. Penggunaan bahasa yang lebih sopan tidak diperlukan kerana penutur menganggap sipenutur kedua sebagai *uchi* yang membawa maksud ‘kita’ iaitu ‘saya dan anda’ yang berada di dalam daerah yang sama.

Morita (1995) mengatakan bahawa orang yang sama bagi sipenutur boleh berada di dalam *uchi* atau *soto* bergantung kepada lawan bercakap sipenutur. Contohnya, jika seorang wanita Jepun sedang bercakap mengenai suaminya kepada seorang kawan, pada masa itu suaminya bagi siisteri adalah orang yang berada di dalam daerah yang sama, iaitu *uchi*. Oleh itu penggunaan kata yang ‘kurang tahap kesopanan’ akan digunakan bila merujuk kepada suaminya atau mereka berdua. Di dalam bahasa Jepun terdapat istilah *shujin* (suami saya) dan *goshujin* (suami anda). *Go* di dalam *goshujin* merupakan kata hormat dan tidak bermaksud ‘anda’. Perkataan *goshujin* hanya digunakan apabila merujuk kepada suami orang lain dan bukan kepada ‘suami saya’.

Contoh penggunaan *shujin* dan *goshujin* adalah seperti berikut.


1. *shujinwa ashita KLkara kaerimasu.*

(suami saya esok akan pulang dari KL)

2. *Goshujinwa ashita KLkara kaerimasu.*

(suami anda esok akan pulang dari KL)

Apabila seorang wanita mengujarkan *shujin*, beliau dengan sendiri menyamakan kedudukannya dan suaminya di dalam kumpulan yang sama bermaksud *watashitachi* (kami). Pada ketika itu beliau dan suami berada di dalam kawasan *uchi*. Penggunaan *shujin* ‘merendahkan’ tahap kesopanan terhadap beliau dan suaminya. Apabila merujuk kepada suami orang lain, perkataan *goshujin* digunakan. Penggunaan kata *goshujin* terhadap suami seseorang membawa maksud sipenutur menghormati kedua-dua suami isteri tersebut. Konsep *uchi* dan *soto* boleh dilihat dengan jelas melalui rajah berikut.



Rajah 2.3: Konsep *Uchi* dan *Soto* di dalam Perbualan antara Isteri

Berdasarkan rajah boleh dilihat dengan jelas bahawa pasangan ‘saya dan suami’ berada di dalam kawasan yang sama iaitu *uchi*, manakala ‘anda dan suami anda’ berada di dalam kawasan *soto*. Oleh kerana itulah penggunaan *shujin* dan *goshujin* digunakan di dalam perbualan bahasa Jepun iaitu sebagai menghormati orang yang diluar lingkungan penutur.

Terdapat juga istilah *uchi* yang digunakan sebagai kata nama pertama yang boleh membawa maksud ‘saya’ atau ‘kami’. Sebagai contoh, ayat berikut menunjukkan dua maksud *uchi* yang berbeza.

Shujinwa tabemasuga, uchiwa tabemasen.
(suami saya makan tetapi saya tidak makan)

Uchiwa tabemasen.
[saya (kami) tidak makan]

Ayat pertama menunjukkan seorang penutur wanita meletakkan suaminya ke dalam daerah *soto*, manakala ayat kedua menunjukkan beliau meletakkan suaminya dan dirinya ke dalam daerah *uchi*. Kedua-dua ayat menunjukkan penutur telah meletakkan suaminya ke dalam daerah *uchi* dan *soto* bergantung kepada konteks perbualan.

Masyarakat Jepun mengetahui dan menggunakan konsep *uchi* dan *soto* secara meluas. Menurut Morita (1995) kesopanan bukan sekadar hubungan antara ‘orang atasan’ dan ‘orang bawahan’ (*jougekankei*) semata-mata tetapi juga

hubungan kekeluargaan. Konsep ini amat penting kerana interpretasi seseorang penutur terhadap konsep inilah yang membolehkan penggunaan bahasa halus iaitu bahasa sopan, bahasa merendah diri atau bahasa hormat digunakan di dalam masyarakat Jepun.

Kebiasaan seorang penutur bahasa Jepun akan menggunakan bahasa sopan seperti penggunaan kata kerja *masu* di akhir ayat. Bahasa merendah diri digunakan apabila seseorang bercakap mengenai dirinya dan keluarganya kepada orang yang dianggap sebagai orang yang berada di dalam daerah ‘luar’. Penggunaan bahasa merendah diri mungkin turut digunakan terhadap dirinya dan tempat kerjanya jika sifatnya ialah pekerja di sebuah syarikat yang berlainan.

Selain bahasa halus, terdapat satu jenis lagi penggunaan bahasa yang tidak dianggap sebagai bahasa yang sopan. Contohnya jika seseorang itu tidak menggunakan bahasa sopan seperti penggunaan kata kerja *masu* di akhir ayat. Penggunaan kata kerja sebegini dipanggil kata kerja bentuk kamus (辞書形) seperti yang ditunjukkan di dalam jadual berikut.

Jadual 2.3: Perbezaan Kata Kerja Bentuk *Masu* dan Kata Kerja Bentuk Kamus

	Kata Kerja Bentuk <i>Masu</i>	Kata Kerja Bentuk Kamus
Pergi	<i>Ikimasu</i>	<i>Iku</i>
Telah pergi	<i>Ikimashita</i>	<i>Itta</i>
Tidak Pergi	<i>Ikimasen</i>	<i>Ikanai</i>
Telah tidak pergi	<i>Ikimasendeshita</i>	<i>Ikanakatta</i>
Terima	<i>Moraimasu</i>	<i>Morau</i>
Telah terima	<i>Moraimashita</i>	<i>Moratta</i>
Tidak terima	<i>Moraimasen</i>	<i>Morawanai</i>
Telah tidak terima	<i>Moraimasendeshita</i>	<i>Morawanakatta</i>

Penggunaan kata kerja bentuk kamus adalah biasanya di antara rakan-rakan yang rapat dan ahli keluarga sahaja. Penggunaan kata kerja bentuk kamus di dalam perbualan dianggap ‘tidak sopan’ jika ditujukan kepada orang atasan atau orang yang tidak rapat dengan sifennutur. Di dalam transkripsi kajian ini juga hampir kesemua peserta menggunakan kata kerja bentuk *masu* dan bahasa merendah diri serta bahasa hormat.

Rajah 2.4 menunjukkan tahap kesopanan di dalam perbualan bahasa Jepun seperti yang telah dibincangkan terdahulu. Bahasa merendah diri, bahasa hormat dan bahasa sopan digolongkan ke dalam satu kategori yang sama iaitu bahasa halus.

Bahasa Merendah Diri & Bahasa Hormat



Bahasa Sopan (Bentuk *Masu*)



Kata Kerja Bentuk Kamus

Rajah 2.4: Tahap Kesopanan di dalam Perbualan Bahasa Jepun

2.12 Kuasa di dalam Perbualan

Istilah kuasa menurut Scollon & Scollon (1995) ialah,

Power refers to the vertical disparity between the participants in a hierarchical structure.

(Scollon & Scollon, 1995: 42)

Kesopanan (atau *face*) berkait rapat dengan perbezaan kuasa di antara peserta yang terlibat di dalam perbualan. Ini kerana manusia cenderung untuk menjaga air muka (*face*) silawan cakap semasa berbual dan kecenderungan untuk menjaga air muka silawan cakap akan bertambah jika silawan cakap adalah seseorang yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi di dalam masyarakat.

Menurut Scollon dan Scollon (1995) terdapat tiga sistem kesopanan yang boleh dilihat di dalam konteks perbualan yang berlainan yang bergantung kepada perbezaan kuasa dan jarak (*distance*) di antara peserta. Sistem yang dimaksudkan

adalah *deference politeness system*, *the solidarity politeness system* dan *hierarchical politeness system*.

Scollon dan Scollon (1995) turut mengemukakan dua jenis strategi kesopanan iaitu *independence politeness strategies* dan *involvement politeness strategies*. Berdasarkan contoh-contoh ujaran yang diberikan oleh mereka, *independence politeness strategy* merujuk kepada bentuk ujaran yang diberi oleh peserta yang tidak ‘berkuasa’ kepada peserta yang ‘berkuasa’. Contohnya adalah seperti memanggil seseorang dengan pangkat (*Mr Lee*), meminta maaf, bersikap pesimis, menggunakan bahasa dan dialek tersendiri, tidak banyak bercakap dan meminimakan amaran kepada pendengar.

Involvement politeness strategies pula merujuk kepada bentuk ujaran yang diberi oleh peserta yang ‘berkuasa’ kepada peserta yang ‘tidak berkuasa’. Contoh ujaran di dalam strategi kesopanan ini adalah dengan menunjukkan minat dan simpati berlebihan kepada pendengar, optimis, petah bercakap, memanggil pendengar dengan nama jolokan serta menggunakan bahasa atau dialek pendengar.

Deference politeness system (sistem menghormati pendapat orang lain) adalah satu sistem kesopanan yang mana dua orang peserta dianggap sebagai bertaraf sama atau hampir sama tetapi mempunyai ‘jarak’ antara mereka. Jarak yang dimaksudkan adalah tahap keakraban di antara dua peserta tersebut.

Ciri-ciri *deference politeness system* adalah,

1. simetri (-P) kerana peserta berada di dalam tahap sosial yang sama,
2. mempunyai ‘jarak’ (+D) dan setiap peserta menggunakan *independence strategies* semasa bercakap sesama mereka.

P membawa simbol *power* (kuasa) dan D membawa simbol *distance* (jarak). Scollon & Scollon (1995) menggunakan simbol (-P) dan (+D) yang bermaksud peserta di dalam perbualan adalah bertaraf sama atau hampir sama (-P) tetapi mempunyai hubungan jarak yang jauh (+D). Mereka memberi contoh dua orang profesor yang berlainan negara dan pertama kali berjumpa akan memanggil sesama mereka sebagai ‘profesor’ bagi menghormati kedudukan akademik dan status masing-masing. Bagi menunjukkan taraf yang sama pula kedua-dua orang profesor tersebut akan menggunakan *independence politeness strategies*.

The solidarity politeness system (sistem kesopanan solidariti) merujuk kepada perbualan di antara dua orang kawan akrab, di mana tiada perbezaan kuasa (-P) dan jarak (-D) di antara mereka.

Ciri-ciri sistem kesopanan solidariti adalah,

1. simetri (-P) kerana peserta melihat diri mereka berada di dalam kedudukan sosial yang sama,
2. rapat (-D) dan setiap peserta menggunakan *involvement strategies* semasa bercakap sesama mereka.

Kedua-dua peserta akan menunjukkan keakraban dan solidariti di antara mereka. Sebagai contoh dua orang profesor dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia tidak menggunakan panggilan ‘profesor’ sesama mereka tetapi hanya dengan memanggil nama sahaja. Ini bagi menunjukkan taraf kedudukan yang sama dan solidariti di antara mereka.

Hierarchical politeness system (sistem kesopanan hirarki) merujuk kepada perbezaan sosial di antara dua orang peserta di dalam sesuatu perbualan. Contohnya dua orang peserta yang berada di dalam komuniti yang berlainan seperti seorang profesor dan seorang pelajar universiti mempunyai tahap kuasa yang berlawanan dan ‘jarak’ yang jauh.

Ciri-ciri sistem kesopanan hirarki adalah,

1. asimetri (+P) kerana kedua-dua peserta melihat diri mereka sebagai dua orang yang mempunyai kedudukan sosial yang berbeza,
2. asimetri dan peserta yang berstatus tinggi menggunakan *involvement face strategies* dan peserta yang berkedudukan rendah menggunakan *independence face strategies*.

Walaupun Scollon dan Scollon (1995) turut mengemukakan ciri-ciri *independence politeness strategies* dan *involvement politeness strategies*, ianya tidak boleh digunakan bagi kesemua masyarakat bahasa di dunia ini. Ini kerana, walaupun ciri-ciri yang diberikan oleh mereka menepati kesopanan masyarakat Barat, namun ianya mungkin tidak menepati masyarakat lain termasuklah masyarakat Melayu. Satu kajian yang lebih terperinci diperlukan kerana seseorang pengkaji tidak boleh mengukur tahap kesopanan atau pemilikan ‘kuasa’ berdasarkan persepsi sendiri.

Brown dan Gilman (1960) pula berpendapat kuasa adalah hubungan asimetri di mana seorang yang dianggap lebih berkuasa dari peserta lain boleh mengawal kelakuan peserta tersebut. Hudson (1980) pula menyatakan solidariti adalah jarak sosial di antara dua peserta yang boleh menunjukkan ciri-ciri persamaan seperti pengalaman, jantina, asal usul, negara, etnik dan sebagainya.

Solidariti merupakan hubungan simetri berdasarkan persamaan yang dikongsi peserta terbabit.

Kajian Jariah (1999) yang berdasarkan perbincangan di televisyen tempatan mendapati kaum lelaki dan peserta yang berstatus tinggi termasuk wanita lebih dominan di dalam perbualan antara lelaki dan wanita. Kajian ini mendapati lelaki menunjukkan kuasa dengan mengawal perbincangan dan hala tuju perbincangan. Kajian Tan (1997) juga menunjukkan kecenderungan lelaki menonjolkan kuasa dengan membuat celahan dan bercakap dengan lebih banyak. Kedua-dua kajian ini menunjukkan lelaki lebih menguasai perbualan.

Shaw (2000) telah membuat kajian ke atas perdebatan parlimen di *British House of Commons* mendapati bahawa kuasa ditunjukkan melalui celahan dan kecenderungan untuk bercakap dengan lebih lama. Status ahli parlimen di dalam hirarki parlimen juga merupakan elemen penting di mana ahli parlimen yang mempunyai hirarki yang lebih tinggi akan lebih cenderung untuk membuat celahan atau mengganggu ujaran penutur lain.

Sebenarnya faktor jantina dan status sosial bukanlah penentu mutlak kuasa di dalam perbualan. Menurut Tannen (1990), semasa perbualan berlangsung, diam tidak semestinya menunjukkan seseorang tidak berkuasa di dalam perbualan dan banyak bercakap tidak bermaksud seseorang itu berkuasa. Seorang isteri mungkin lebih banyak bercakap berbanding suaminya di rumah.

Ini tidak bermakna suaminya itu lemah atau tidak berkuasa di dalam rumah tangga tersebut.

Seseorang itu berdiam mungkin kerana secara semula jadi beliau sememangnya seorang pendiam. Dia juga mungkin tidak berminat terhadap topik yang dibincangkan. Oleh itu, seseorang yang kurang bercakap di dalam sesuatu perbualan bukan disebabkan beliau tidak berkuasa berbanding penutur lain yang berstatus lebih tinggi. Faktor-faktor lain seperti konteks perbualan, minat dan sikap seseorang turut mempengaruhi sebab-sebab mengapa seseorang itu lebih banyak berdiam diri berbanding peserta lain.

Walau bagaimanapun kecenderungan orang yang berstatus lebih tinggi untuk menguasai perbualan dengan membuat celahan, mengganggu ujaran atau bercakap lebih lama berbanding penutur lain tidak dapat dielakkan.

Silence alone, however is not a self-evident sign of powerlessness, nor volubility a self-evident sign in domination.

(Tannen, 1993: 176)

Apabila mengaitkan kuasa di dalam perbualan, seseorang pengkaji tidak sepatutnya melihat hubungan antara orang atasan dan orang bawahan semata-mata. Ini kerana kuasa boleh juga ditunjukkan melalui perbezaan jantina, keturunan, kumpulan etnik, tahap pendidikan, pengalaman hidup, kerjaya dan sebagainya. Satu kajian terperinci mengenai kuasa di dalam perbualan adalah amat menarik

sebagai satu bahan kajian bagi menemukan faktor-faktor yang lebih jelas mengenai penggunaan kuasa di dalam perbualan.

Adalah menarik jika seseorang pengkaji dapat meneroka bentuk kesopanan dan solidariti yang digunakan oleh pemimpin parti politik ini. Ini kerana konsep kesopanan dan solidariti di dalam bahasa Jepun digunakan secara meluas. Bentuk penggunaan kata yang mempunyai konotasi ketidakpastian serta ujaran *anou, ee, soudesune* yang tidak mempunyai makna yang khusus merupakan salah satu ciri-ciri perbualan bahasa Jepun. Walaupun ia tidak mempunyai makna yang khusus namun penggunaannya di dalam perbualan menunjukkan seseorang penutur itu sedang mencari kata-kata yang sesuai dan merangka ucapannya sedikit demi sedikit bagi menunjukkan solidariti dan kesopanan di dalam perbualan.

2.13 Kajian Pengambilan Giliran dan *Aizuchi*

Kajian tentang pengambilan giliran di Malaysia agak kerap dilakukan oleh pengkaji tempatan. Contohnya kajian oleh Jamaliah Mohd. Ali yang bertajuk “*Malaysian Student Seminar: A Study of Pragmatic Features in Verbal Interaction*” (1995a) memberi tumpuan kepada ciri-ciri pragmatik pengambilan giliran di dalam perbualan. Kajian ini adalah berdasarkan aktiviti perbincangan di dalam seminar pelajar Universiti Malaya. Hasil daripada kajian ini menunjukkan perbincangan pelajar kebanyakannya mempunyai ciri-ciri yang bersifat kerjasama.

Pertindanan ujaran dan celahan yang berlaku bukanlah merupakan satu gangguan atau melanggar kesantunan berkomunikasi, malah menunjukkan sifat saling bekerjasama antara penutur.

Jamaliah (1995b) juga menulis tentang “*The Pragmatics of Cross Cultural Communication in a Malaysian Context*” yang menyentuh tentang nilai, kepercayaan dan sifat penutur pelbagai etnik Malaysia. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa orang Malaysia tidak bercakap dan berbincang tentang seks secara terbuka.

Menurut beliau,

The topic on sex is considered to be personal and private and should be dealt with in a surreptitious and in undercover manner.

(Jamaliah, 1995b:116)

Kajiannya juga memberi penekanan kepada maklum balas, pengulangan, *ultra modesty* (merendah diri), *self disclosure* (membuka rahsia diri sendiri), *logical operation*, penggunaan partikel ‘la’ dan ‘a?’ dan serta celahan dan pertindanan. Menurutnya ujaran ‘ya, ya’ dan ‘yes, la’ sering berlaku di dalam perbualan. Menurutnya lagi,

Whereas 'yes' indicates agreement for most Westerners, in an Asian culture, it may mean 'I hear you' or 'I understand you' or 'I am with you' and 'therefore please proceed'.

(Jamaliah, 1995b:111)

Kenyataan Jamaliah di atas jelas menunjukkan bahawa ujaran ‘ya, ya’ dan ‘yes la’ merupakan salah satu bentuk *aizuchi* kerana berfungsi sebagai ‘*I hear you*’ atau ‘*I understand you*’ atau ‘*I am with you*’ and ‘*therefore please proceed*’. Walau bagaimanapun kajian Jamaliah tidak menunjukkan berapakah kekerapan *aizuchi* atau fungsi *aizuchi* yang jelas di dalam bahasa Melayu (atau bahasa Inggeris) yang digunakan oleh subjek kajiannya. Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh penulis akan cuba memperincikan kajian mengenai *aizuchi* agar ia dapat memberi sumbangan kepada pengkaji lain yang ingin membuat kajian yang terperinci mengenai *aizuchi*.

Pengulangan juga kerap berlaku dan fungsinya adalah sekadar menunjukkan bahawa pendengar mahu penutur mengetahui bahawa pendengar memahami kata-kata penutur. Pengulangan juga berlaku jika satu pihak yang lain keletihan apabila perbincangan menjadi semakin rumit dan keliru. Selepas melakukan pengulangan penutur tersebut akan menutup perbualannya dengan ‘ya ya’ atau ‘hmm, hmm’. Pengulangan yang dimaksudkan oleh Jamaliah (1995b) di dalam kajian ini merupakan maklum balas pendengar kepada penutur dan di sini pengambilan giliran berlaku. Pengulangan di dalam kajian Jamaliah adalah berbeza dengan *aizuchi* yang terdapat di dalam kajian penulis

kerana penulis menganalisa *aizuchi* dan bukan bentuk atau cara maklum balas dilakukan.

Dapatan juga menunjukkan penutur Malaysia bersikap merendah diri dan juga membuka rahsia diri sendiri. Mereka mengelak daripada memberi keputusan atau idea yang bertentangan dengan memberi helah dan tidak berterus terang. Manakala *self-disclosure* pula bertindak sebagai satu strategi untuk mencari satu persetujuan bagi semua pihak.

Ujaran ‘la’ menunjukkan elemen perpaduan dan mesra di kalangan penutur. Di dalam kajian ini, Jamaliah (1995b) mendapati ujaran ‘la’ lebih banyak digunakan oleh penutur India manakala ‘a’? pula lebih kerap dituturkan oleh penutur India dan Cina berbanding penutur Melayu.

Selain itu celahan yang bertujuan untuk mendapatkan hak bercakap (mengambil giliran) dan bagi meneruskan perbualan juga berlaku di dalam kajian ini. Celahan berlaku apabila seseorang penutur tidak melengkapkan ujaran atau maklumat. Oleh itu pihak yang lain akan melengkapkan ayat tersebut. Kesemua etnik didapati kerap melakukan celahan, tetapi penutur Melayu mencelah dengan lebih banyak lagi. Walaupun celahan boleh dianggap sebagai satu kerjasama untuk membina perbualan yang lancar dan berterusan, ia juga boleh dianggap sebagai satu gangguan jika ia dilakukan berulang kali.

Kajian Jamaliah (1995b) jelas menunjukkan ciri-ciri perbualan penutur Malaysia yang berbilang kaum. Contohnya berbanding penutur Cina dan India, penutur Melayu lebih kerap melakukan celahan di dalam perbualan. Celahan dilakukan bukan mengganggu ujaran penutur semasa tetapi bagi merancakkan perbualan. Ciri-ciri yang unik seperti ujaran ‘yes, la’, ‘a?’ dan ‘la’ di dalam perbualan ini menunjukkan pertembungan budaya penutur di antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu di dalam masyarakat majmuk Malaysia di mana majoriti kaumnya adalah berbangsa Melayu. Penutur Malaysia mengakomodasikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris melalui penggunaan ujaran ‘yes, la’, ‘a?’ dan ‘la’ di dalam perbualan.

Selain daripada Jamaliah (1995b) Maya Khemlani David (1995) juga melakukan kajian dari perspektif yang sama. Kajiannya bertajuk “*Group Interaction: Rules of Spoken Discourse in a Classroom Setting*.” Kajian ini dilakukan terhadap 15 orang pelajar Universiti Malaya. Kajian ini mencari ciri-ciri analisis perbualan di dalam perbualan seperti pengambilan giliran, strategi lisan, strategi bukan lisan dan *repairs* (pembetulan). Peserta yang tidak dapat memahami sesuatu topik atau idea, akan bertanyakan atau mengulang semula ujarannya supaya peserta lain dapat memberi kefahaman kepadanya. Peserta juga akan meminta pihak yang lain melakukan pengulangan sekiranya dia tidak memahami idea peserta lain.

Kajian ini berdasarkan pembelajaran di dalam bilik darjah, strategi yang digunakan adalah strategi pembelajaran, di mana ciri-ciri strategi pembelajaran seperti pertanyaan, pembetulan dan pengulangan sering berlaku. Kajian ini adalah berdasarkan perbualan namun objektif kajiannya adalah untuk melihat starategi-strategi komunikasi dan strategi pembelajaran. Oleh itu akan terdapat kelainan yang nyata dengan kajian penulis kerana objektif kajian penulis adalah untuk melihat struktur pengambilan giliran, strategi perbualan dan *aizuchi*.

Tanaka (2000) telah membuat kajian mengenai kepentingan nahu di dalam sesuatu interaksi lisan dan hubungannya dengan pengambilan giliran di dalam bahasa Jepun. Ciri-ciri ini kemudian dibandingkan dengan struktur nahu bahasa Inggeris serta bentuk pengambilan giliran di dalam bahasa Inggeris. Pendekatan ini memberi kefahaman tentang bentuk-bentuk bahasa Jepun di dalam sesuatu interaksi lisan.

Menurut Tanaka (2000), perbezaan struktur nahu bahasa Inggeris dan bahasa Jepun turut memainkan peranan penting bagi membolehkan pendengar mengagak TRP penutur dan seterusnya mengambil giliran bercakap. Misalnya, peraturan nahu bahasa Inggeris adalah subjek - kata kerja - objek sedangkan peraturan nahu bahasa Jepun adalah subjek - objek - kata kerja.